# MASALAH KEMISKINAN DI DALAM KOMUNITI NELAYAN
# (SATU KAJIAN KES DI KAMPUNG KUALA GULA, KUALA KURAU, PERAK DARUL REDZUAN)

OLEH:

SHABUDDIN BIN HAJI YAACOB
NO. MATRIK: 048504

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA & SAINS SOSIAL

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESI 1988/89

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim!

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ilahi kerana dengan izinnya, maka saya dapat menyiapkan latihan ilmiah ini. Dengan ini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan saya kepada mereka yang telah membantu saya di dalam menyiapkan latihan ilmiah ini.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada ibu, abang dan kakak terutamanya juga tidak dilupakan rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberi dorongan mahupun bantuan kepada saya semasa menjalankan kajian luar dan juga semasa penulisan latihan ilmiah ini.

Tidak dilupakan juga, jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Madya Dr. Haji Hussain Mohamed, pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya. Beliaulah yang telah banyak memberikan tunjukajar, menyemak dan memberi dorongan kepada saya sehinggalah penulisan latihan ilmiah ini dapat disiapkan.

Begitu juga kepada Kak Katijah Bt. Abdul Halim daripada Pejabat Am Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur yang telah sudi menaipkan latihan ilmiah ini.

Juga kepada:

i) Encik Fadzil Aggussalim - Bahagian Pengembangan Sastera, DBP, KL

ii) Encik Rafaie Bin Zambri - Bank Kemajuan Perusahaan Sdn. Bhd.

iii) Encik Sharif - Pegawai Kerani Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (T) Ladang Kuala Gula

iv) Encik Salehuddin Ismail - Penolong Pegawai Perikanan Daerah Kerian

- Kakitangan Jabatan Perikanan Daerah Kerian

v) Encik Yusuf - Pengurus Persatuan Nelayan Kawasan Kerian

vi) Rakan-rakan pengkaji semasa bertugas di LKIM/PN Kerian - Encik Fauzi, Encik Mazani, Encik Zaini, Puan Azimah - Kakitangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia/Projek (1985-1986)

- Guru Besar, Guru-Guru Sekolah Rendah Kebangsaan Kuala Gula

Juga kepada Ketua Kampung Nelayan Kuala Gula, Pak Ngah Shaari serta penduduk-penduduk perkampungan nelayan tersebut yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pengkaji semasa menjalankan pengkajian. Jasa baik kalian semua tidak akan dapat pengkaji lupakan sehingga ke akhir hayat. Terima kasih daun keladi.

Shabuddin Bin Haji Yaacob
20, Batu 1¼
Jalan Kuala Kurau
34300 Bagan Serai
Perak Darul Redzuan

SINOPSIS

Kajian yang dilakukan ini adalah terhadap komuniti nelayan untuk mendapatkan satu penjelasan tentang mengapakah komuniti nelayan seringkali dikaitkan dengan soal kemiskinan. Di dalam kajian ini, pengkaji akan cuba menjelaskan beberapa faktor yang menyebabkan wujudnya keadaan ini, terutamanya dari segi sosio-ekonomi. Di samping itu juga pengkaji akan cuba mengaitkannya dengan konsep, sebab ataupun faktor kemiskinan yang telah banyak diperkatakan sehingga kini. Ini terkandung di dalam Bab III penulisan pengkaji.

Di dalam Bab I - Pendahuluan, pengkaji akan membincangkan mengenai tujuan, kepentingan kajian ini diadakan dan metodologi yang digunakan. Selain daripada itu pengkaji juga akan turut membincangkan mengenai masalah-masalah yang dihadapi semasa pengumpulan bahan dan langkah-langkah yang telah diambil oleh pengkaji untuk mengatasi masalah ini.

Pada Bab II, pengkaji akan membincangkan mengenai latarbelakang kawasan yang dikaji. Antara lain ialah mengenai kedudukan, pentadbiran, penduduk, agama dan kepercayaan mereka. Walaupun begitu pengkaji tidak membincangkan secara terperinci mengenai sosio-ekonomi kawasan yang dikaji di dalam bab ini. Ini kerana pengkaji akan membincangkannya di dalam Bab IV.

Pengkaji menghuraikan dengan terperinci mengenai masalah sosio-ekonomi komuniti yang dikaji di dalam Bab IV.

Untuk itu pengkaji telah membahagikan kepada 3 pembahagian masalah besar mengenai sosio-ekonomi yang dihadapi oleh komuniti itu. Antaranya yang berkaitan dengan aktiviti perikanan, pendapatan, pola penggunaan, pola simpanan dan kemudahan-kemudahan asas.

Akhir sekali, pengkaji akan cuba membuat kesimpulan berdasarkan teoritikal mahupun yang bercorak praktikal yang telah banyak diajukan mengenai kemiskinan komuniti nelayan di kawasan pengkajian. Berdasarkan kesimpulan yang dibuat, adalah didapati faktor-faktor persekitaran serta pertimbangan sosial adalah perlu dianalisa terlebih dahulu sebelum melaksanakan program-program pembangunan.

Sekian.

KANDUNGAN

| | Muka Surat |
|---|---|
| PENGHARGAAN | i |
| SINOPSIS | iii |
| KANDUNGAN | v |
| SENARAI RAJAH | ix |
| SENARAI JADUAL | x |
| BAB I : PENDAHULUAN | |
| 1.1 Tujuan dan Bidang Kajian | 1 |
| 1.2 Kepentingan Kajian | 2 |
| 1.3 Metodologi Kajian | 3 |
| (a) Kajian Perpustakaan | 3 |
| (b) Temuramah/Temubual Formal/ Informal | 4 |
| (c) Soalselidik | 4 |
| (d) Pemerhatian-Penyertaan Ikutserta | 5 |
| (e) Persampelan | 6 |
| 1.4 Masalah Pengumpulan Bahan | 7 |
| (a) Kefahaman dan Sikap Responden Terhadap Kajilidikan | 7 |
| (b) Masalah Komunikasi | 7 |
| (c) Masalah Menemui Responden | 8 |
| (d) Maklumat Dari Responden Yang Tidak Tepat dan Berhati-Hati | 8 |
| (e) Dokumen Rasmi | 9 |

| | | Muka Surat |
|---|---|---|
| | 1.5 Pengertian Konsep | |
| | (a) Komuniti | 10 |
| | (b) Nelayan Tradisional | 11 |
| BAB II : | PENGENALAN: LATARBELAKANG KAWASAN KAJIAN | |
| | 2.1 Kedudukan Geografi | 13 |
| | 2.2 Dari Segi Pentadbiran | 14 |
| | 2.3 Penduduk dan Penempatan Penduduk | 15 |
| | 2.4 Agama dan Kepercayaan | 20 |
| | 2.5 Sosio-Ekonomi | 21 |
| BAB III : | KEMISKINAN DAN KONSEP PEMBANGUNAN | |
| | 3.1 Konsep/Ukuran Kemiskinan | 24 |
| | (a) Kemiskinan Mutlak | 26 |
| | (b) Kemiskinan Relatif | 27 |
| | 3.2 Definisi Kemiskinan | 29 |
| | 3.3 Faktor-Faktor Kemiskinan | 31 |
| | (a) Kecacatan Individu | 33 |
| | (b) Faktor Alam | 33 |
| | (c) Faktor Kebudayaan dan Sosial | 34 |
| | (d) Faktor Ekonomi Dalam dan Luar Negeri | 34 |
| | (e) Dari Segi Demografi | 37 |
| | (f) Dari Segi Pergantungan Sektor Tradisi Dengan Sektor Moden | 37 |
| | (g) Dari Segi Teknologi dan Modal | 38 |

Muka Surat

(h) Dari Segi Nilai Peribadi Dan Budaya Masyarakat 40

(i) Dari Segi Sejarah 41

3.4 Kesimpulan 43

BAB IV : KEMISKINAN DALAM KOMUNITI NELAYAN KUALA GULA

4.1 Masalah Berkaitan Aktiviti Perikanan 47

(a) Alatan Tradisi 47

(b) Pencemaran 51

(c) Pencerobohan 52

4.2 Masalah Berkaitan Dengan Pendapatan, Pola Penggunaan dan Simpanan Nelayan 53

1. Masalah Pendapatan Di Kalangan Nelayan 53

(a) Saiz Keluarga 54

(b) Masalah Pemasaran 56

(i) Peranan Orang Tengah 56

- Terikat Pada Hutang Lama 58

- Kemudahan Yang Disediakan Oleh Orang Tengah - Hakmilik 58

(ii) Musim 60

2. Pola Penggunaan/Perbelanjaan Responden 61

(a) Perbelanjaan Untuk Keperluan Asas 61

(b) Perbelanjaan Terhadap Barang Mewah 65

Muka Surat

3. Pola Simpanan Responden 65

(a) Tujuan Simpanan 66

(i) Dapatkan Tanah 67

(ii) Perbelanjaan Sekolah Anak-Anak 68

(iii) Menambah Modal 69

(iv) Keperluan Semasa 70

(b) Bentuk Simpanan 71

4.3 Masalah Kemudahan Asas dan Lain-Lain Masalah Yang Berkaitan 72

(a) Rumah Kediaman 72

(b) Bekalan Air Paip 74

(c) Bekalan Elektrik 74

(d) Kesihatan 75

(e) Perhubungan 76

4.4 Kesimpulan 77

BAB V : RUMUSAN DAN PENUTUP

5.1 Dasar Pertanian Negara 82

5.2 Skim Subsidi Nelayan 85

5.3 Persatuan-Persatuan Nelayan 86

5.4 Jabatan Perikanan 89

5.5 Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 92

5.6 Pendekatan Pembangunan Nelayan 94

(i) Pembangunan Sosial 94

(ii) Pembangunan Institusi Nelayan 96

(iii) Kawasan Pembangunan Nelayan 98

5.7 Penutup 100

# SENARAI RAJAH

| | | | Muka Surat |
|---|---|---|---|
| Rajah 2.1 | : | Struktur Pentadbiran Daerah Kerian/Mukim | 15 |
| Rajah 3.1 | : | Lingkaran/Hubungkait Kemiskinan | 36 |
| Rajah 4.5 | : | Struktur Pemasaran Nelayan Di Kawasan Kajian Kes | 57 |
| Rajah 4.10 | : | Masalah Empirikal Nelayan Tradisional | 79 |
| Rajah 4.11 | : | Penyelesaian Masalah Empirikal Nelayan Tradisional | 81 |
| Rajah 5.1 | : | Pembangunan Perikanan: Ringkasan Dasar/Strategi - Bahagian Perancang dan Pembangunan Kementerian Pertanian Malaysia | 90 |

SENARAI JADUAL


| | | | Muka Surat |
|---|---|---|---|
| Jadual 2.1 | : | Peratusan Penduduk | 17 |
| Jadual 2.2 | : | Bentuk Famili Responden | 19 |
| Jadual 3.1 | : | Semenanjung Malaysia: Kadar Kemiskinan Mengikut Kawasan Luar Bandar 1970, 1976 dan 1984 | 44 |
| Jadual 4.1 | : | Responden dan Jenis Alatan Perikanan | 49 |
| Jadual 4.2 | : | Struktur Umur Responden dan Bilangannya | 51 |
| Jadual 4.3 | : | Pekerjaan Sampingan Responden | 55 |
| Jadual 4.4 | : | Hitung Panjang Pendapatan Bulanan Responden | 55 |
| Jadual 4.5 | : | Jumlah Tanggungan Responden | 62 |
| Jadual 4.6 | : | Perbelanjaan Asas Mengikut Bilangan Ahli Keluarga Responden | 64 |
| Jadual 4.7 | : | Tujuan Simpanan Di Kalangan Responden | 67 |
| Jadual 4.8 | : | Tingkat Persekolahan Mengikut Jenis Sekolah | 69 |
| Jadual 4.9 | : | Jumlah Wang Simpanan Responden | 70 |
| Jadual 4.10 | : | Rumah Kediaman Responden | 72 |
| Jadual 5.1 | : | Pengeluaran Pertanian (Perikanan) 1980-1985 ('000 tan metrik) | 84 |
| Jadual 5.2 | : | Kemajuan Perlaksanaan Projek Galakan Pembaikan dan Penyediaan Kemudahan Fizikal | 95 |
| Jadual 5.3 | : | Projek-Projek Ekonomi Persatuan Nelayan Kawasan | 97 |


KEDAH
PINANG
BELUM
KEROH
BELUKAR SEMANG
KERUNAI
TEMENGOR
GERIK
ULU PERAK
KENERING
ULU SELAMA
SELAMA
SELAMA
ULU IJOK
LENGGONG
BAGAN TIANG
PARIT BUNTAR
TANJONG PIANDANG
BERIAH
BAGAN SERAI
TEMERLONG
KERIAN
KUALA KURAU
BATU KURAU
DURIAN
PIPIT
PULAU KAMIRI
GUNONG SEMANGGOL
SELINSING
Kawasan Kajian
ASAM KUMBANG
KEMUNTING
CHEGAR GALAH
LARUT DAN MATANG
JEBONG
TUPAI
KOTA LAMA KIRI
LUBOK MERBAU
KOTA LAMA KANAN
SUNGAI SIPUT
SUNGAI LIMAU
SIMPANG
KUALA KANGSAR
KAMPONG BUAYA
SAYONG
BUKIT GANTANG
TERONG
PERAK
ULU KINTA
SENGGANG
SUNGAI TINGGI
SUNGAI RAYA
KINTA
PENGKALAN BAHARU
BERUAS
BELANJA
SUNGAI TERAP
BELANJA
TEJA
LAYANG
LAYANG
KAMPAR
DINDING
BOTA
TANJONG TUALANG
LUMUT
LAMBOR KANAN
BATANG PADANG
SITIAWAN
LAMBOR KIRI
P. PANGKOR
Terusan Dinding
CHENDERIANG
PULAU
TIGA
KAMPONG GAJAH
P. Pangkor Laut
PASIR PANJANG ULU
PASIR SALAK
BATANG
P. Tukun Perak
LABU KUBONG
HILIR
KEPULAUAN SEMBILAN
P. Agas
P. Nipis
P. Rumbia
P. Lalang
LEKIR
BANDAR
BIDOR
KOTA SETIA
SUNGAI MANIK
PADANG
SUNGAI DURIAN
PERAK
CHANGKAT JONG
BAGAN DATOH
TELOK BAHARU
SUNGKAI
RUNGKUP
DURIAN SEBATANG
SLIM
HUTAN MELINTANG
SABAK
ULU BERNAM TIMOR
ULU BERNAM BARAT
SUNGAI PANJANG
SABAK BERNAM
ULU BERNAM
KALUMPANG

# BAB I

# PENDAHULUAN

## 1.1 Tujuan dan Bidang Kajian

Kajian kes ini dijalankan di Kampung Nelayan Kuala Gula, Kuala Kurau, Perak Darul Redzuan. Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat apakah faktor-faktor yang menyebabkan timbulnya masalah kemiskinan yang berterusan di kalangan komuniti nelayan. Ini berdasarkan masalah-masalah yang komuniti tersebut hadapi sehingga kini. Tambahan pula telah banyak cadangan dan rancangan yang telah dibuat untuk mengatasi masalah ini dan sejauhmanakah keberkesanannya.

Berkaitan dengan ini pengkaji akan cuba untuk menjelaskan keadaan-keadaan sosial dan ekonomi terutamanya yang dihadapi oleh komuniti yang dikaji itu. Dengan ertikata yang lain, bidang pengkajian pengkaji adalah mengenai sosial dan ekonomi komuniti tersebut. Ini kerana seringkali dikaitkan kemiskinan dengan masalah sosio-ekonomi yang dihadapi oleh komuniti nelayan. Adakah ini benar? Secara tidak langsung, pengkaji akan cuba untuk mengaitkan dengan kejayaan mahupun kegagalan tentang langkah-langkah yang telah pihak kerajaan jelaskan.

Tumpuan utama pengkaji adalah mengenai Dasar Ekonomi Baru. Mengikut pendapat Profesor DiRaja Ungku Abdul Aziz, punca kerendahan taraf pendapatan komuniti nelayan khasnya

adalah kerana pengeksploitasian orang-orang tengah.[1] Adakah ini benar? Inilah yang menarik perhatian pengkaji untuk menganalisa keadaan sedemikian. Bahkan jikalau diteliti, telah banyak andaian-andaian mengenai kemiskinan yang dikemukakan sama ada oleh pengkaji barat mahupun ahli-ahli ekonomi, akademik dan tokoh-tokoh politik tempatan. Adakah ianya relevan dengan negara kita? terutamanya kepada usaha-usaha membasmi kemiskinan di kalangan nelayan?

Dari segi sosial, pengkaji akan menganalisa antara lain seperti dari segi kemudahan infrastruktur, apakah kekurangan ataupun kelebihannya. Apakah masalah-masalah sosial yang dihadapi. Manakala dari segi ekonomi pula, pengkaji akan menumpukan kepada pengkajian tentang pendapatan, jumlah simpanan serta langkah-langkah untuk meningkatkan pendapatan mereka. Ini supaya akan wujud satu pemahaman tentang keadaan sosio-ekonomi komuniti tersebut. Ini kerana seringkali dikaitkan dasar-dasar pembangunan kerajaan tidak dapat membantu meninggikan taraf hidup nelayan. Adakah ini benar? Beberapa persoalan juga yang menarik perhatian pengkaji untuk menjalankan pengkajian terhadap komuniti nelayan itu.

## 1.2 Kepentingan Kajian

Memanglah tidak dapat dinafikan, telah banyak pengkajian yang telah dijalankan mengenai komuniti nelayan, sama ada dari segi sosial, ekonomi mahupun dari segi politik komuniti tersebut.

---

[1] Ungku Abdul Aziz, "Poverty and Rural Development in Malaysia" dalam Kajian Ekonomi Malaysia, Vol. 1, Jun 1964.

Ia juga tidak terbatas kepada pengkaji-pengkaji dari dalam tetapi juga dari luar negeri, terutamanya pengkaji-pengkaji dari Barat. Walaupun begitu, belum ada pengkajian yang pernah dijalankan di tempat kajian kes pengkaji. Inilah yang menarik perhatian pengkaji untuk menjalankan pengkajian tersebut. Ia bukan sahaja akan dapat memberi gambaran sebenar kepada pengkaji bahkan juga kepada orang-orang lain yang ingin mengetahuinya. Pada pengkaji, ianya tetap mempunyai kepentingan sama ada di masa sekarang mahupun generasi yang akan datang.

1.3 Metodologi Kajian

Terdapat beberapa cara yang telah pengkaji gunakan semasa menjalankan penyelidikan ini. Satu-satu cara itu mempunyai kelebihan ataupun kekurangannya yang tersendiri, dan ini memakna pengkaji menggunakan lebih daripada satu cara dalam pengkajian ini. Antaranya:

(a) Kajian Perpustakaan

Sebelum kajian dilakukan, pengkaji terlebih dahulu mendapatkan maklumat ataupun gambaran terawal tentang isu-isu kemiskinan dalam komuniti nelayan melalui media massa sama ada yang bercetak ataupun elektronik. Ini memudahkan pengkaji memahami persoalan pokok ataupun intipati utama dalam pengkajian. Kajian seperti ini yang bercorak kajian perpustakaan telah pengkaji jalankan di Perpustakaan Besar, Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi, Perpustakaan Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya dan juga Perpustakaan Negara. Pemahaman yang teliti

terpaksa dilakukan oleh pengkaji melalui akhbar-akhbar tempatan, makalah-makalah, jurnal-jurnal dan risalah-risalah yang berkaitan dengan kemiskinan ataupun sosio-ekonomi nelayan.

(b) Temuramah/Temubual Formal/Informal

Sebagai langkah seterusnya, pengkaji menggunakan teknik temuramah yang biasa, temubual yang bercorak informal dan yang bercorak formal. Misalnya, jikalau pengkaji bertemu dengan responden sama ada di surau, kedai kopi dan di perjalanan, pengkaji akan menggunakan teknik temuramah ataupun temubual yang bercorak biasa (informal). Walaupun begitu, pengkaji akan menggunakan teknik temubual/temuramah yang bercorak formal jikalau bertemu dengan pegawai-pegawai ataupun kakitangan kerajaan untuk mendapatkan maklumat-maklumat dengan lebih lanjut lagi.

(c) Soalselidik

Pengkaji juga telah menggunakan teknik soalselidik di dalam pengkajian ini, sama ada ianya bersifat terbuka ataupun tertutup. Dengan kaedah soalselidik terbuka itu, pengkaji dapat memberi peluang kepada responden untuk mengemukakan pendapat mereka sejelas-jelas yang mungkin. Misalnya apabila pengkaji mengajukan pertanyaan tentang keadaan alam persekitarannya, begitulah juga apabila pengkaji meminta pandangan ataupun pendapat tentang dasar-dasar kerajaan yang dilaksanakan itu. Ini diakui oleh Festinger dan Katz[2] yang mengatakan soalselidik yang berbentuk

[2] Festinger, L and Katz, D., Research Methods In Behavioral Sciences" Holt, Rinehart and Winston, Inc., USA, 1953, m.s. 351.

tertutup cuma perlu pada jawapan yang tepat yang telah pengkaji sediakan itu, manakala soalselidik berbentuk terbuka pula akan dapat memberi peluang kepada responden yang ditemui untuk memberikan idea. Pendapat, pandangan dan cadangan-cadangan tentang persoalan yang dikemukakan itu tanpa terbatas pilihannya dari yang berbentuk tertutup. Inilah juga yang dikemukakan oleh Ahmad Mahdzan Ayob[3] dalam bukunya, "Kaedah Penyelidikan Sosio-Ekonomi".

(c) Pemerhatian-Penyertaan Ikutserta

Kaedah pemerhatian ikutserta adalah kaedah terpenting dan utama yang pengkaji dapati terbaik untuk digunakan semasa menjalankan pengkajian. Tambahan pula ianya disusuli dengan kaedah temubual yang biasa. Melalui kaedah pemerhatian-penyertaan ikutserta ini, pengkaji akan dapat mengeratkan lagi hubungan antara pengkaji dengan komuniti yang dikaji. Ini supaya sikap menganggap pengkaji sebagai orang asing di kalangan mereka akan terhapus. Pengkaji juga mengikuti nelayan turun ke laut untuk menangkap ketam, ikan, mengaut kerang dan sebagainya. Ini secara tidak langsung akan menambahkan pengalaman ataupun pengetahuan pengkaji di samping dapat mengumpul maklumat/data untuk pengkajian. Bahkan, responden kini telah menganggap pengkaji sebagai sebahagian daripada ahli komuniti mereka. Mereka juga tidak lagi mempunyai rasa segan silu untuk menceritakan masalah-masalah yang mereka

---

[3] Ahmad Mahdzan Ayob, Kaedah Penyelidikan Sosio-Ekonomi, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983.

hadapi kepada pengkaji. Dengan ertikata yang lain, tidak salah jikalau pengkaji gambarkan kaedah pemerhatian-penyertaan ikutserta ini sebagai "sambil menyelam, minum air". Sambil memerhatikan aktiviti yang komuniti tersebut jalankan, dapat juga pengkaji mengumpulkan maklumat-maklumat ataupun bahan-bahan untuk penulisan. Apatah lagi melalui kaedah penyertaan ikutserta yang mempunyai banyak kelebihannya.

(e) Persampelan

Seramai 50 keluarga telah pengkaji temui dengan menggunakan teknik-teknik yang dinyatakan itu. Teknik sampling ini digunakan untuk membolehkan pengkaji mendapat gambaran yang tepat tentang keadaan sosio-ekonomi mereka. Pengkaji akan menggunakan responden seramai 50 keluarga itu sebagai sampel untuk mengkaji ciri-ciri yang pengkaji inginkan daripada keseluruhan isirumah yang diwakilinya itu. Ini kerana untuk pengkaji menemui kesemua keluarga yang ada itu adalah satu yang menyukarkan.

## 1.4 Masalah Pengumpulan Bahan

Masalah ada di mana-mana. Yang penting adalah cara untuk mengatasi sesuatu masalah yang timbul. Sama ada masalah psikologi, masalah yang berkaitan dengan ekonomi dan sebagainya. Di dalam hal ini, pengkaji juga tidak dapat lari dari pelbagai masalah yang timbul semasa menjalankan penyelidikan di tempat kajian kes. Antara masalah-masalah itu ialah:

(a) Kefahaman dan Sikap Responden Terhadap Kajilidikan

Sebagai komuniti yang tinggal di luar bandar, kajilidikan merupakan satu perkara yang agak baru bagi kebanyakan responden. Dengan itu, mereka kurang memahami sifat dan tujuan kajilidikan akademik. Antara salah tanggapan yang timbul ialah responden menganggap penyelidik sebagai kakitangan kerajaan yang terlibat di dalam dasar dan perlaksanaan rancangan pembangunan. Ada juga yang menganggap pengkaji daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri. Ini menyebabkan mereka menceritakan tentang masalah kekurangan pendapatan dan pelbagai masalah yang berkaitan dengan ekonomi. Kurangnya kefahaman tentang kajilidikan dan sikap yang ragu-ragu pada pengkaji sedikit sebanyak berkait dengan tingkat pelajaran dan pendedahan komuniti luar bandar. Dari segi pendidikan yang rendah mungkin menjadi salah satu faktor mengapa mereka kurang memahami tujuan dan sifat penyelidikan.

(b) Masalah Komunikasi

Terdapat dua perkara pokok yang menjadi masalah dalam komunikasi antara pengkaji dan responden. Pertama, jenis bahasa yang digunakan dan kedua, kefahaman responden terhadap soalan yang dikemukakan. Kadangkala responden tidak memahami istilah-istilah yang pengkaji gunakan. Ada juga kadangkala responden yang mempunyai tingkat pelajaran yang rendah itu tidak memahami soalan-soalan yang dikemukakan walaupun dalam bahasa yang mudah. Begitulah juga dengan istilah-istilah tertentu seperti konsep "Dasar Ekonomi Baru". "Rukun Negara" dan sebagainya. Untuk

mengatasi masalah ini, pengkaji terpaksa menggunakan bahasa yang jelas, ringkas dan mudah difahami oleh responden. Akibatnya, pengkaji lebih gemar menggunakan loghat tempatan yakni loghat utara yang digunakan oleh responden dalam pertuturan sehari-hari mereka.

(c) Masalah Menemui Responden

Pengkaji juga menghadapi masalah sewaktu menemui responden. Sepertimana yang diketahui, nelayan akan turun ke laut pagi waktu petang ataupun malam dan pulang pada pagi hari. Ini menyebabkan tidak ada ketepatan waktu untuk pengkaji membuat temujanji dengan responden. Kadangkala, apabila pengkaji ke rumah responden, responden tiada di rumah sama ada ke bandar ataupun turun ke laut. Begitulah juga pada waktu malam. Ini menyebabkan pengkaji terpaksa bersabar walaupun menunggu responden dalam jangkamasa yang lama.

Kadangkala juga terdapat gangguan-gangguan tertentu sewaktu pengkaji menyoalselidik responden. Misalnya kedatangan sanak saudara, sahabat handai, rakan taulan responden. Ada juga kadangkala, isteri memanggil suaminya untuk berbincang sesuatu. Ini sedikit sebanyak mengganggu situasi responden dan juga pengkaji.

(d) Maklumat Dari Responden Yang Tidak Tepat Dan Terlalu Berhati-Hati

Ini berlaku terutamanya apabila pengkaji mengajukan pertanyaan berkenaan dengan keadaan kewangan responden seperti

jumlah pendapatan, perbelanjaan, simpanan dan jumlah pemilikan harta. Pengkaji jarang sekali mendapat jumlah ataupun nilai yang tepat dari responden, apabila ditanya tentang perkara-perkara tersebut. Responden lebih suka menggunakan istilah 'adalah sikit', 'cukuplah' yang bersifat agakan semata-mata.

Adakalanya juga responden terlalu berhati-hati apabila memberikan pendapat dan pandangan mereka terhadap sesuatu persoalan. Terutamanya apabila pengkaji meminta pandangan responden tentang dasar-dasar kerajaan ataupun sikap pegawai-pegawai kerajaan dan agensi-agensi kerajaan di kawasan tersebut. Bahkan ada beberapa responden yang langsung tidak mahu melibatkan diri dalam perbincangan berbentuk sedemikian.

(e) Dokumen Rasmi

Masalah juga timbul berkaitan dengan urusan-urusan untuk mendapatkan maklumat rasmi daripada jabatan-jabatan ataupun agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dengan kajian pengkaji. Ianya seringkali dikaitkan dengan Akta Rahsia Rasmi dan fail-fail yang sulit. Ini sesungguhnya begitu mengecewakan pengkaji.

Walaupun begitu, dengan kaedah pemerhatian-penyertaan ikutserta yang telah pengkaji gunakan, masalah-masalah yang ada hubungan dengan responden dapat diatasi. Misalnya dengan bergaul dengan responden dalam pelbagai aktiviti dan seterusnya bermalam di perkampungan tersebut, maka tiadalah timbul prasangka dan syak wasangka responden terhadap pengkaji lagi. Dengan timbulnya

masalah-masalah seperti mana yang telah pengkaji nyatakan itu, ianya menjadi satu cabaran kepada pengkaji untuk menjalankan kajian dengan lebih gigih lagi. Tambahan pula pengkaji juga mempunyai masalah peribadi, antaranya seperti masalah kewangan dan juga masalah pengangkutan. Ini kerana jarak tempat kajian kes dan tempat asal pengkaji begitu jauh sekali, iaitu hampir 25 km jaraknya. Namun seperti mana yang telah pengkaji nyatakan tadi, pengkaji menganggap segala masalah yang timbul, secara disedari mahupun tidak disedari itu sebagai satu cabaran untuk pengkaji di dalam mengumpul bahan-bahan ataupun maklumat untuk penulisan ini.

1.5 Pengertian Konsep

(a) Komuniti

Terdapat satu definisi ataupun makna yang kabur kerana wujudnya berlainan penekanan dan pendekatan yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji. Misalnya ahli sosiologi Jerman, Ferdinand Tonnies mengatakan konsep komuniti merangkumi fenomena sosial dan kawasan yang luas. Antara lain ia menyatakan:

> "... all initimate, private and exclusive living together, so we discover, is understood as life in Gemainschaff (community)..."[4]

---

[4]Ferdinand Tonnies, "Gemainschaff and Gosenschaff", Theories of Society, Vol. 1 (ed.), Talcott Parsons, Edward Schills, Kaspar D. Naegele and Jesse R. Pitts., New York, The Free Press of Glencoe Inc., 1961, m.s. 191.

Manakala menurut Ting Chew Peh pula:

> "... gemainschaft atau komuniti merangkumi interaksi sosial yang melibatkan hubungan primary yang rapat dan bersemuka (face to face), tradisi dan matlamat yang sama juga wujud."[5]

Dengan ertikata yang lain, nilai-nilai 'kepentingan bersama' menjadi asas utama pegangan ahli-ahli komuniti tersebut. Misalnya Dr. Rokiah Talib menyatakan bahawa kepentingan bersama yang dimaksudkan itu mungkin tentang aspek ekonomi, sosial, pelajaran dan sebagainya.[6] Inilah konsep asas yang telah pengkaji gunakan di dalam pengkajian di tempat kajian kes.

(b) Nelayan Tradisional

Food and Agriculture Organization (FAO) telah mendefinisikan nelayan tradisional/artisinal sebagai:

> "Artisanal fishermen may be found in coastal, estuary, lagoon river or lake fisheries, inclusing aquaculture. The capital investment is relatively slight. With a corresponding low level of organization and with little use of specialized stills. Vessels are small and the fishing gear is usually hand operated. Productivity and incomes are generally low with the catch commonly sold fresh or salted, dried for local sale. The fishery lacks infrastructural backing and credit."[7]

---

[5]Ting Chew Peh, Konsep Asas Sosiologi, DBP, Kuala Lumpur, 1985, m.s. 66.

[6]Rokiah Talib, "Komuniti Bandaran Kampung Raja Uda" disiarkan dalam Manusia dan Masyarakat, Bil. 2, Jurnal Persatuan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1973, m.s. 35.

[7]Food and Agriculture Organization (FAO), 1973.

Dengan ini, nelayan tradisional mempunyai modal dan teknologi yang rendah lalu ianya juga memberi kesan kepada hasil pengeluaran pula. Selain dari itu, kita tidak boleh melupakan sektor nelayan yang bercorak tradisional. Ini kerana ianya juga mempunyai kepentingan yang tersendiri dan tertentu yang turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara.

# BAB II

## PENGENALAN: LATARBELAKANG KAWASAN KAJIAN

Di dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan mengenai latarbelakang kawasan kajian. Antaranya seperti kedudukan geografi, penduduk dan pendapatan penduduk, sosio-ekonomi, agama dan kepercayaan komuniti yang dikaji itu.

### 2.1 Kedudukan Geografi

Kawasan kajian ini terletak di dalam Daerah Kerian, Negeri Perak Darul Redzuan dan dimasukkan pula di dalam Perak Utara. Terdapat 8 mukim di Daerah Kerian seperti Bagan Serai, Parit Buntar, Bagan Tiang, Tanjung Piandang, Gunung Semanggol, Alor Pongsu/Beriah, Selingsing dan Kuala Kurau. Kawasan kajian ini yakni Kampung Nelayan Kuala Gula adalah terletak di dalam Mukim Kuala Kurau. Di dalam Mukim Kuala Kurau sendiri terdapat berpuluh-puluh kampung yang lain.

Kampung Nelayan Kuala Gula adalah terletak kira-kira 13 kilometer (km) daripada pekan Kuala Kurau dan kira-kira 15 kilometer (km) daripada pekan Semanggol. Terdapat beberapa cara untuk sampai ke tempat kajian kes. Antaranya melalui jalan darat seperti motokar, motosikal, perkhidmatan bas, namun begitu jikalau menggunakan jalan darat, ianya terpaksa menggunakan feri pula untuk menyeberang daripada Kuala Kurau ke Kuala Gula. Jaraknya adalah $\frac{1}{2}$ km, yakni menyeberangi Sungai Kurau. Namun begitu sukacita dimaklumkan, semua perkhidmatan pengangkutan ke Kuala Gula adalah dijalankan oleh orang-orang persendirian.

Begitulah juga jikalau menggunakan jalan sungai yakni dengan mudik Sungai Kurau ataupun dengan mudik di persisiran pantai. Kebanyakan barang-barang juga diangkat ke Kuala Gula dengan menggunakan kaedah jalan air. Jikalau menggunakan jalan darat pula, untuk sampai ke tempat kajian, terpaksa melalui jalan estet/ladang yang tidak bertar. Begitulah juga jikalau menggunakan jalanraya daripada Gunung Semanggol, ianya ada yang bertar dan ada yang tidak bertar (Masalah perhubungan ini, akan pengkaji huraikan dengan lebih lanjut lagi di Bab IV).

2.2 Dari Segi Pentadbiran

Daerah Kerian yang merangkumi 8 mukim yang telah pengkaji nyatakan itu adalah ditadbir oleh seorang Pegawai Daerah dan dua orang Penolong Pegawai Daerah. Manakala di setiap mukim pula, ianya ditadbir oleh seorang Penghulu bersama-sama penolongnya yang terlibat secara langsung terhadap kampung-kampung ataupun kawasan-kawasan di bawah jajahannya. Secara gambarajah dapatlah saya gambarkan seperti berikut:

Terdapatnya seorang Penghulu yang ditempatkan di pekan Kuala Kurau. Di Kuala Kurau sendiri terdapat beberapa kampung-kampung kecil yang lain. Secara tidak langsung dapatlah dianggap ianya sebagai salah satu unit politik yang kecil. Bahkan di Kuala Kurau juga terdapat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Dengan ertikata yang lain terdapat 2 JKKK, satu di Mukim Kuala Kurau dan satu lagi di Kampung Nelayan Kuala Gula sendiri. Walaupun begitu, tumpuan pengkaji hanyalah terhadap Kampung Nelayan Kuala Gula sahaja.

Rajah 2.1: <u>Struktur Pentadbiran Daerah Kerian/Mukim</u>




Sumber: Penyelidikan Di Kawasan Kes

Sebagaimana yang diketahui JKKK diketuai oleh seorang Pengerusi[8] dibantu oleh Setiausaha dan Bendahari serta Ahli Jawatankuasa (AJK) yang lain. Tugas ataupun peranan utama JKKK adalah mengenai keselamatan dan kemajuan kampung berkenaan. Bahkan JKKK merupakan satu badan induk yang terdapat di kampung untuk menjalankan pelbagai peranan, bukan sahaja demi kesejahteraan sosio-ekonomi dan politik tetapi juga menjadi bahan utama di dalam mempastikan keamanan, kemakmuran dan keharmonian wujud di perkampungan itu. JKKK juga bertanggungjawab di dalam mempastikan projek-projek pembangunan dapat dijalankan di kawasan tersebut.

---

[8] Kebiasaannya Penghulu sesuatu perkampungan akan dilantik sebagai Pengerusi JKKK di perkampungan tersebut.

Dengan ertikata yang lain, JKKK mempunyai kuasa pentadbiran di dalam mencorakkan pembangunan sesebuah kampung itu.

Sehingga kini, Kampung Nelayan Kuala Gula masih lagi merupakan penyokong kuat parti pemerintah. Kebanyakan responden menyatakan sokongan terhadap parti pemerintah tidak akan berbelah bagi selagi nasib mereka mendapat perhatian daripada pihak yang memerintah sekarang ini. Namun begitu kadangkala mereka juga menyatakan rasa tidak senang dengan beberapa langkah-langkah parti pemerintah sejak kebelakangan ini. Ada juga di antara mereka yang menyatakan keinginan untuk tidak menyokong parti pemerintah kerana dikatakan wakil mereka tidak pernah melawat ke perkampungan tersebut kecuali di waktu-waktu pilihanraya sahaja.

## 2.3 Penduduk dan Penempatan Penduduk

Adalah dianggarkan terdapat seramai kira-kira 250 orang penduduk di Kampung Nelayan Kuala Gula (tanpa mengira peringkat umur). Golongan peringkat dewasa, merupakan kategori yang paling tinggi, sebanyak 60%, 30% terdiri daripada mereka yang telah tua dan 10% terdiri daripada golongan kanak-kanak. Dan daripada data yang diperolehi, hampir 90% penduduk di perkampungan ini adalah anak jati kampung itu sejak dahulu lagi. Mengikut responden petempatan di kawasan ini dibuka berasaskan pada faktor perhubungan. Ini kerana ianya terletak di tebing sungai yang memudahkan perhubungan dari satu tempat ke tempat yang lain. Petempatannya adalah selari antara satu sama lain.

Jadual 2.1: Peratusan Penduduk

| Peringkat | Umur | Peratus |
|---|---|---|
| Kanak-Kanak | 0 - 12 Tahun | 10 |
| Dewasa | 13 - 30 Tahun | 60 |
| Tua | 30 Tahun dan Lebih | 30 |

Sumber: Penyelidikan Di Kawasan Kajian

Kebanyakan penduduk di perkampungan ini, adalah 100% bergantung mata pencarian sebagai nelayan. Ini kerana kawasan persekitaran tidak mengizinkan untuk mereka melaksanakan sumber ekonomi yang lain. Begitulah juga anak-anak muda, mereka bergantung hidup pada sumber laut dan dapat pula pengkaji kategori nelayan itu adalah bersifat tradisional.[9] Mereka menggunakan enjin sangkut yang rata-ratanya hanya 5 ataupun 8 kuasa kuda (kk) sahaja, bahkan segala-galanya bersifat tradisional. Tidak juga dapat dinafikan hanya sebilangan kecil sahaja penduduk di sini menjalankan pekerjaan sampingan seperti buruh ladang, kelendan lori tetapi tidak tetap jangkamasanya. Prinsip "Kais Pagi Makan Pagi dan Kais Petang Makan Petang" masih menebal di jiwa penduduk di perkampungan tersebut. Yang penting bagi mereka ialah untuk meneruskan penghidupan di hari ini, untuk hari esok akan ditentukan di keesokan harinya apabila ia tiba. Dengan ertikata yang lain konsep tabungan sudah pasti tidak ada dilakukan oleh penduduk di perkampungan itu (kalau ada pun nilainya adalah

---

[9] Lihat konsep nelayan tradisional yang telah pengkaji huraikan di Bab I.

sedikit). Ini kerana pendapatan yang diterima hanya untuk dibelanjakan di hari itu sahaja, itupun kadangkala tidak mencukupi. Sukacita diingatkan purata pendapatan responden tidak lebih daripada $10.00 sehari, termasuk pendapatan sampingan. (Pengkaji akan membincangkan dengan lebih lanjut lagi di Bab IV - Masalah Komuniti Nelayan Kuala Gula)

Namun begitu penduduk di perkampungan ini sentiasa mengambil berat antara satu sama lain, sentiasa tolong menolong, hormat menghormati sesama mereka. Sepertimana yang dikatakan oleh John Beattie.[10]

> "Pola-pola kehidupan mestilah sentiasa dipatuhi oleh semua ahli masyarakatnya. Pola kehidupan merupakan tingkahlaku ataupun tindakan yang diikuti oleh ahli-ahli masyarakat dalam satu komuniti."

Manakala mengikut E.W. Burgess dan H.J. Locke pula,[11]

> "The family is a group of persons united by the ties of marriage, blood or adaption, constituting a single household, interacting and intercommunicating with each other in their respective social role of husband and wife, mother and father, brother and sister, creating a common culture."

Dari segi bentuk-bentuk famili responden pula, pengkaji mendapati terdapat 3 ciri yang utama iaitu bentuk famili asas/

---

[10] John Beattie, Lain-Lain Kebudayaan (terjemahan), DBP, 1979, m.s. 62.

[11] E.W. Burgess dan H.J. Locke, "The Family" dipetik oleh A Dictionary of Sociology, edited by G. Duncan Mitchell, C. Tinling & Co. Ltd., London, Reprinted, 1970, m.s. 76.

nuklear, famili gabungan dan famili tumpang. Namun begitu famili asas merupakan bentuk yang lazim sekali didapati. Sepertimana Prof. Dr. Koentjraningrat[12] juga mengatakan, "masyarakat Melayu di luar bandar mempunyai bentuk famili asas atau famili nuklear yang ada suami, isteri serta anak-anak yang belum berkahwin." Ini bertepatan sekali dengan keadaan yang wujud di perkampungan ini.

Jadual 2.2: Bentuk Famili Responden

| Jenis/Bentuk Famili | Bilangan | Peratus |
|---|---|---|
| Famili Asas/Nuklear | 37 | 74 |
| Famili Asas/Tumpang | 8 | 16 |
| Famili Gabungan | 5 | 10 |
| JUMLAH | 50 | 100 |

Sumber: Penyelidikan Di Kawasan Kajian

Dari segi rumah kediaman pula, kebanyakan rumah-rumah responden masih menggunakan atap nipah atau rumbia sebagai bumbung, papan sebagai lantai dan dindingnya manakala tiangnya pula adalah daripada pokok bakau. Ini kerana tiang rumah itu berada separuh di atas darat dan separuh di dalam sungai. Menurut responden, tiang daripada pokok bakau adalah lebih kukuh dan tahan lama daripada kayu biasa. Tiada sebuah rumah responden yang diperbuat daripada batu-bata. /̄Pengkaji akan membincangkan

[12] Prof. Dr. Koentjraningrat, Beberapa Pokok Antropologi Sosial, (Penerbitan Dian Rakyat, Djakarta, 1967) 1967, m.s. 100.

masalah ini dengan lebih mendalam lagi di dalam Bab IV nanti_7.

2.4 Agama dan Kepercayaan

Sepertimana yang telah pengkaji perkatakan sebelum ini, keseluruhan penduduk Kampung Nelayan Kuala Gula adalah terdiri daripada orang Melayu. Ini secara tidak langsung memberi gambaran bahawa rata-ratanya beragama Islam. Mereka tetap mengikut lunas-lunas Islam/hukum-hukum Islam yang diwajibkan berlandas konsep-konsep Rukun Islam, Rukun Iman dan Al-Quran. Ini kerana agama sebagai pedoman atau petunjuk yang utama di dalam kehidupan ini. Seringkali mereka berkumpul di surau, untuk membincangkan masalah-masalah agama. Bahkan terdapat seorang guru agama yang dijemput khas ke surau di perkampungan tersebut untuk mengajar perkara-perkara tentang keagamaan.

Namun begitu kepercayaan-kepercayaan tradisi masih menebal di hati mereka. Terutamanya mengenai penyakit tertentu. Ini jelas dapat dilihat dengan adanya sikap mengutamakan cara perubatan tradisional melalui bomoh atau pawang. Setiap penyakit dihubungkait dengan penunggu, sampuk, perbuatan orang halus dan sebagainya.

Walaupun begitu tidaklah dapat dinafikan bahawa melalui pengamalan bersama upacara-upacara keagamaan ataupun amalan-amalan kepercayaan tertentu membolehkan penduduk-penduduk komuniti tersebut berkumpul di samping mempereratkan lagi hubungan sosial di kalangan mereka. Berhubung dengan ini, Radcliffe Brown ada

menegaskan:[13]

> "... one of the basic functions of rituals is that is serves to maintain and reinfoce the system of sentiments of which the existence of the society depends. There is a moral as well as an aesthetic value in completion of the pattern."

Walaupun begitu konsep 'puja pantai' atau beberapa kepercayaan-kepercayaan tertentu yang sering dilakukan oleh nelayan-nelayan lain tidak dipraktikkan oleh nelayan di perkampungan ini. Berkemungkinan kerana mereka ini adalah nelayan tradisional, corak penangkapan secukup hidup dan jarak mereka keluar menangkap ikan juga tidak jauh. Mereka hanyalah menangkap, mengaut kerang ataupun memukat ketam hanya di sekitar sungai dan tepian pantai sahaja.

## 2.5 Sosio-Ekonomi

Pengkaji tidak berhasrat untuk membincangkan dengan mendalam mengenai keadaan sosio-ekonomi di perkampungan tersebut di dalam bab ini. Ini kerana pengkaji akan mengulas dengan lebih lanjut mengenai hal ini di dalam Bab IV.

Dari segi perhubungan, hanya terdapat jalan tanah merah dan jalan ban (diperbuat dari tanah yang digali di sekitar kawasan itu), untuk sampai ataupun memasuki perkampungan tersebut. Ianya hanya boleh dilalui oleh kenderaan ringan

---

[13] A.R. Radcliffe Brown, Structure and Function in Primitive Society, Cohen and West Ltd., London, 1963, m.a. 63.

sahaja. Tiada pondok telefon disediakan di perkampungan ini. Walaupun begitu, perkhidmatan pos ada disediakan. (Kebiasaannya posmen akan menghantar dan mengambil surat daripada penduduk kampung). Dari segi keselamatan terdapat sebuah pondok polis dengan dua anggota yang bertugas tetapi ia tidak diletakkan di perkampungan ini, ianya diletakkan di perkampungan Cina yang jaraknya ialah 2 km dari perkampungan yang dikaji.

Tiada satupun persatuan yang ditubuhkan di perkampungan ini, sama ada Pertubuhan Belia, Pemuda UMNO, Khairat Kematian dan sebagainya. Responden lebih suka menganggap diri mereka adalah ahli segala aktiviti. Dengan ini, mereka tidak perlu mempunyai persatuan. Seperkara yang menarik, ialah tiada terdapat ciri-ciri keruntuhan akhlak seperti kecurian, pecah rumah, menghisap dadah dan pelbagai gejala yang tidak sihat di perkampungan ini.

Dari segi kemudahan lain, hanya terdapat sebuah klinik kesihatan, itupun hanya berfungsi sebagai 'klinik bidan' dengan seorang penolong jururawat sahaja. Mengenai bekalan air, ianya amat menyedihkan. Tekanannya yang rendah menyebabkan air dari saluran paip begitu perlahan dan kadangkala tidak ada langsung air yang mengalir. Apatah lagi dari segi bekalan elektrik. Menurut responden tidak terdapat tanda-tanda perkampungan ini akan disalurkan bekalan elektrik.

## BAB III

## KEMISKINAN DAN KONSEP PEMBANGUNAN

Di dalam bab ini, pengkaji akan menjelaskan mengenai kemiskinan, andaian-andaian, sebab musabab dan hubungkaitnya dengan pembangunan. Tambahan pula kemiskinan mengandungi berbagai pengertian dan tanggapan. Jikalau wujudnya salah pengertian di dalam mentafsirkan erti sebenar kemiskinan, ianya akan menyebabkan seseorang itu mendapat gambaran yang salah tentang taraf hidup sesebuah negara. Ini kerana ruang lingkup pengertian konsepnya yang terlalu luas dan bersifat abstrak.

Sesetengah pendapat mengatakan kemiskinan itu adalah hak kumpulan bukannya hak individu, kaum ataupun golongan etnik yang tertentu. Sebenarnya tiada satu klasifikasi yang menunjukkan satu-satu kaum itu dikenali berdasarkan kemiskinan yang dialaminya. Namun apa yang seringkali digambarkan mengenai kemiskinan adalah kegagalan untuk mendapatkan keperluan asas seperti pakaian, makanan terutamanya dan tempat tinggal. Tidak ada satu takrif kemiskinan yang dapat dianggap paling jitu untuk digunakan oleh semua negara tanpa mengira struktur masyarakat dan tahap pembangunan negara berkenaan. Dengan itu, kemiskinan mempunyai skop yang terlalu luas, merangkumi berbagai keadaan sosio-ekonomi. Ianya juga memerlukan pengertian yang teliti dan berbeza antara satu negara dengan negara yang lain.

Terdapat pelbagai konsep dan andaian-andaian mengenai kemiskinan di Malaysia yang telah banyak dikemukakan sama ada oleh pengkaji, golongan cerdik pandai dari dalam mahupun luar negeri. Namun masih belum terdapat satu teori yang paling jitu yang dapat dipraktikkan dalam konteks negara kita.

3.1 Konsep/Ukuran Kemiskinan

Negara kita, Malaysia mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, maka usaha utama yang dilakukan oleh pemimpin adalah untuk membasmi kemiskinan dan menyatupadukan masyarakat yang berbilang kaum di negara ini.

N.A. Cox George[14] ada mengkategorikan golongan miskin itu sebagai individu yang hidupnya terperangkap dalam suasana buta huruf dan jangka hidup yang singkat sehingga mereka tidak berupaya menjalani atau menikmati nilai-nilai penting atau yang paling asas dalam lingkungan hidupnya. Malahan, jikalau ditinjau di dalam konteks komuniti nelayan, Syed Husin Ali[15] dalam bukunya 'Apa Erti Pembangunan' telah mengkategorikan orang-orang yang terlibat dengan perusahaan perikanan sebagai berikut:

(a) Tuan Punya Besar : Mereka ini terdiri dari pemilik bot besar dan alat-alat berkesan.

---

[14] Diskusi, September/Oktober 1980, m.s. 10.

[15] Syed Husin Ali, Apa Erti Pembangunan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979, m.s. 54.

(b) Nelayan Senang : Mereka ini terdiri khususnya dari jeragan dan juruselam yang biasanya memiliki juga perahu dan bot.

(c) Nelayan Sederhana : Mereka ini terdiri dari nelayan yang mempunyai perahu dan alat dan ke laut bersama-sama satu atau dua orang lain yang diberi bahagian.

(d) Nelayan Susah : Terdiri dari nelayan yang tidak mempunyai alat dan terpaksa ambil upah (sebagai awak-awak), atau kalau ada alat pun terlalu kecil dan dikerjakan seorang diri.

Ditinjau dari segi sistem susunlapis bagi seluruh negara maka nelayan-nelayan di atas, khususnya yang sederhana dan susah, merupakan anggota-anggota dalam lapisan yang terendah sekali bersama-sama dengan petani dan buruh. Akan tetapi dalam kampung-kampung tertentu memang ada perbezaan sosio-ekonomi yang sedikit sebanyak dapat memisahkan satu golongan kelas dengan yang lain. Garis pemisah di antara tuan punya besar dengan nelayan-nelayan sederhana dan susah terutamanya adalah jelas, akan tetapi garisnya mungkin lebih kabur di antara golongan kelas nelayan senang, sederhana dan susah. Namun demikian, pendapatan yang

berlainan dan gaya hidup yang berbeza, terjelma dalam bentuk rumah kediaman dan cara berpakaian. Kedudukan tuan punya besar dan juga setengah-setengah nelayan senang itu adalah lebih kuat dalam masyarakat kampung, sebab selain daripada menguasai bidang pengeluaran dan pemasaran, mereka juga menduduki tempat-tempat yang berpengaruh dalam organisasi politik dan lain-lain. Kedudukan yang agak istimewa ini boleh mereka gunakan untuk mendatangkan keuntungan kepada diri sendiri, walaupun kadang-kadang buruk akibatnya ke atas nelayan-nelayan yang sederhana dan susah.[16] Walaupun begitu, dua konsep kemiskinan yang sering digunakan ialah kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif.

(a) Kemiskinan Mutlak

Asas utama di dalam mencirikan kemiskinan mutlak adalah kemiskinan yang berasaskan konsep secukup hidup. Konsep sebegini telah diterima umum kerana ianya menjelaskan dan memberikan gambaran bahawa kemiskinan wujud kerana kekurangan pendapatan yang diperlukan untuk memenuhi asas-asas utama keperluan hidup di muka bumi ini. Ukuran kemiskinan mutlak yang biasa dinyatakan ialah peratusan penduduk atau isirumah yang menghadapi corak ataupun taraf penghidupan yang di bawah paras kemiskinan yang telah ditentukan itu. Seringkali pula ditimbulkan persoalan apakah yang dimaksudkan dengan ukuran-ukuran keperluan asas penghidupan itu.

---

[16] Ibid., m.s. 55.

Namun begitu harus rasanya pengkaji menerangkan apakah yang dimaksudkan tentang pendapatan garis kemiskinan. Ianya adalah satu tingkat pendapatan sesebuah isirumah untuk secara purata dapat menikmati makanan berzat yang mencukupi yang biasanya ditakrif mengikut bilangan kalori. Ia juga merangkumi jenis-jenis perbelanjaan yang membolehkan seseorang itu memperseimbangkan satu tahap taraf hidupnya.

Terdapat juga kelemahan-kelemahan atau kekurangan tertentu di dalam penggunaan anggaran garis kemiskinan. Ianya tidak dapat secara tepat mentakrifkan ciri-ciri sebenar ataupun sejauhmanakah sesebuah isirumah itu dapat dikatakan berada di bawah garis kemiskinan. Konsep kemiskinan mutlak ini sepertimana yang telah dikatakan adalah berasaskan kepada pendapatan (dari segi nilai kekurangannya), maka ia tidak dapat pula menjelaskan dengan tepat taraf hidup sebenarnya yang diperlukan oleh individu ataupun sesebuah isirumah itu.

(b) Kemiskinan Relatif

Ianya menyatakan bahawa tingkat kemiskinan seseorang itu ialah apabila jumlah pendapatannya menunjukkan kekurangan daripada pendapatan purata penduduk. Dengan ertikata yang lain ialah kemiskinan relatif mengutamakan ciri-ciri persamaan pendapatan dan secara tidak langsung jikalau seseorang itu memperolehi pendapatan yang kurang dari sebahagian pendapatan purata adalah dianggap miskin. Pendekatan relatif yang menggunakan tingkat pendapatan juga telah menimbulkan masalah

dalam pengukurannya. Dengan berasaskan kepada pendapatan 40% terendah sebagai ukurannya, maka pertumbuhan ekonomi dianggap dapat mengurangi kemiskinan relatif dan meningkatkan kebajikan masyarakat apabila pendapatan purata kumpulan tersebut meningkat. Kemiskinan relatif juga diukur dengan menganggarkan peratusan isirumah mahupun individu-individu yang mempunyai pendapatan tetapi kurang daripada separuh pendapatan penengah negara. Tetapi cara sedemikian adalah lebih menunjukkan pengukuran pendapatan yang tidak seimbang daripada pengukuran sebenar kemiskinan.

Peter Townsend[17] pernah menegaskan tentang taraf relatif sebagai:

> "Individuals families and groups in the population can be said to be in poverty when they lack the resources to obtain the types of diets, participate in activities, and here the living conditions and amenities which are customary, or at least widely encouraged or approved, in the societies to which the belong."

Dengan ertikata yang lain, ia menganggap adanya satu paras ataupun jumlah tertentu pendapatan yang menjadi pengukur kemiskinan. Jikalau ia diletakkan di bawah garis tersebut, maka adalah dianggap miskin. Definisi itu juga dapat menggambarkan tentang berapa ramai yang hidup hampir atau telahpun berada di dalam kemiskinan.

---

[17] Townsend, P., 'Poverty as Relative Deprivation in Porothy Wedderbun' (ed.), <u>Poverty, Inequality and Class Structure</u> London, 1974, m.s. 15.

3.2 Definisi Kemiskinan

Sepertimana yang telah pengkaji nyatakan tadi, terdapat pelbagai tanggapan ataupun pendapat mengenai definisi kemiskinan. Yang jelas sehingga kini masih belum terdapat definisi yang tepat tentang kemiskinan.

Mengikut Peter Townsend[18] ini adalah kerana:

> "Poverty is not and absolute state. It is relative deprivation, society itself is contiously changing and thrusting new obligation on its members. They in turn develop new needs. They are rich or poor according to their share or resources that are available to all or even educational resources."

International Encyclopedia of Social Science pula telah mengatakan:

> "... not merely economic inequality (of poverty income, living standard) but also social inequality that is a relation of inferiority dependence or exploitation."[19]

J.L. Roach[20] pula mendefinisikan dengan berasaskan kepada 'unsufficiency basic need' yang amat diperlukan oleh individu untuk menjalani kehidupan sehariannya. Manakala

---

[18] Townsend, 'The Meaning of Poverty' dalam British Journal of Sociology, Vol. 13, September 1963, m.s. 215.

[19] International Encyclopedia of Social Science, Vol. 12, 1968, m.s. 398.

[20] Roach, J.L., Poverty, Penguin Book, 1972, m.s. 9 - 39.

Seebohn Rowtree[21] pula mengkelaskan kemiskinan kepada dua peringkat. Yang pertama, miskin dari segi nilai serta yang keduanya, gagal mendapatkan keperluan asas walaupun ada pendapatan. Peter J. Wilson[22] telah bersetuju dengan pendapat yang dikemukakan oleh Rowtree itu, antara lain ia mengatakan bahawa sikap dan nilai memainkan peranan penting dalam proses sosial yang akan membolehkan berlakunya sesuatu perubahan.

Walaupun begitu tidaklah dapat dinafikan terdapatnya tokoh-tokoh tempatan sama ada dari golongan akademik, ahli politik, ahli antropologi dan sosiologi mahupun sasterawan yang banyak memproseskan tentang kemiskinan terutamanya di kalangan orang Melayu.[23] Pengkaji amat tertarik dengan apa yang pernah disuarakan oleh seorang sasterawan negara iaitu Saudara Usman Awang. Ini kerana ramai yang hanya mengakui mengenali zahir dan batin kemiskinan itu, tetapi dari sudut-sudut yang manakah kemiskinan itu dimengertikan. Antara lain Usman Awang pernah berbicara, katanya:

> "Dari sudut manakah kita mengenal ayah dan ibu kita, mengenal saudara-saudara kita di kampung serta mengenal petani dan desanya? Dan dari nilai pandangan manakah kita mengenal dan mengetahui warna lumpur

---

21 Rowtree, S., Poverty and Progress, <u>A Second Social Survey of York</u>, Logmann Green, London, 1941, m.s. 102 - 215.

22 Peter J. Wilson, A Malay Village and Malaysia, <u>Social Value and Development</u> (Harf Press), New Haven, 1968, m.s. 153.

23 Huraian pengkaji akan berkisar terutamanya kepada orang Melayu kerana ianya berdasarkan tempat kajian kes. Hampir 100% responden dan komuniti nelayan di perkampungan tersebut adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam.

dan lintah, liku permatang, tajur kail, sendayan dan rumput rampainya? Dari kacamata manakah kita mengenal koyak dan tampal baju petani, gelang urat dan belulang tangannya, hitam kulit dan kerut dahinya, rokok nipah dan tembakau jawanya, periuk buruk dan belanga sumbingnya, dinding tua dan atap bocornya."[24]

Kegagalan untuk mengerti dan menghayati makna ataupun definisi kemiskinan inilah yang menyebabkan wujudnya pelbagai salah tanggapan tentang sesuatu kaum itu. Berbalik kepada persoalan di kalangan nelayan, telah banyak pengkajian yang dilakukan oleh tokoh-tokoh politik, ahli ekonomi, ahli sejarawan, sasterawan dan ahli-ahli akademik. Namun begitu aspek pengkajian yang menarik terutamanya adalah dari segi cara hidup mereka, pekerjaan, pendapatan, penggunaan, simpanan, masalah kemiskinan, susunlapis masyarakat nelayan, politik, adat istiadat, kepercayaan dan sebagainya.

### 3.3 Faktor-Faktor Kemiskinan

Terdapat beberapa faktor yang seringkali dihubungkaitkan dengan kemiskinan. Ada yang dikaitkan dengan sikap ataupun nilai individu tertentu dan sebaliknya. Walaupun begitu pembahagian faktor-faktor kemiskinan lebih banyak menumpukan kepada bidang sosio-ekonomi dan politik. Misalnya Prof. Diraja Ungku Aziz[25]

---

[24] Lihat 'Rakyat Luar Bandar Sudah Muak Dengan Rancangan Pembasmian Kemiskinan oleh Hashim Suboh (Yang DiPertua Persatuan Siswazah Perlis Malaysia (PERSIS) dalam Utusan Malaysia, Rabu, 23 September 1987, m.s. 8.

[25] Ucapan beliau semasa merasmikan seminar 'Isu-Isu dan Cabaran-Cabaran Untuk Pembangunan Negara' anjuran Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya. Lihat Utusan Malaysia, Rabu, 16 Disember 1987, m.s. 4.

mengaitkan masalah kemiskinan kepada teori kemiskinan yang dikatakan berpunca daripada tiga faktor yang utama iaitu:

1. Daya pengeluaran yang rendah
2. Penindasan
3. Pengabaian

Jikalau pengkaji meneliti faktor-faktor di atas dengan berdasarkan tempat kajian kes, nyata sekali kewujudan ketiga-tiga faktor itu. Misalnya daya pengeluaran yang rendah begitu ketara sekali. Namun begitu terdapat juga beberapa perkara tertentu yang menghalang pengeluaran yang tinggi. Misalnya faktor tidak mampu mendapatkan empat faktor pengeluaran yang utama seperti modal, usaha, tanah dan upah. Nelayan yang sememangnya kita ketahui bergantung rezeki pada laut, maka sudah pasti keadaan-keadaan di laut akan turut membatasi pengeluaran. Begitulah juga dari segi penindasan, wujudnya orang tengah dalam struktur pemasaran nelayan. Penindasan yang dikatakan kerana pengaruh orang tengah telah wujud dahulu lagi. (Pengkaji akan membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut di Bab IV).

Daruk Seri Dr. Mahathir Mohamad[26] pernah menegaskan bahawa usaha untuk membasmi kemiskinan tidak mungkin akan berjaya jika sebab-sebab sebenar kemiskinan tidak dikenalpasti dan dihapuskan terlebih dahulu. Analisis yang mendalam ini dibuat

---

[26] Ucapan beliau semasa merasmikan Konvensyen Kemiskinan anjuran Pergerakan Pemuda UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, lihat <u>Mingguan Malaysia</u>, 13 September 1987, m.s. 1.

untuk menentukan sebab-sebab kemiskinan masih wujud di negara ini kerana tanpa kefahaman ini syor-syor yang berkesan tidak dapat dibuat dalam usaha untuk membasmi kemiskinan, terutamanya yang bercorak mutlak itu.

Berikutnya, akan pengkaji jelaskan sebahagian daripada faktor-faktor yang boleh ataupun seringkali dikaitkan dengan kemiskinan. Sebahagiannya adalah jelas menunjukkan bahawa ianya berada di luar orang-orang perseorangan. Antaranya:

(a) <u>Kecacatan Individu</u>

Faktor kecacatan sedikit sebanyak akan mengganggu mahupun menghalang seseorang itu daripada bertindak secara 'normal' di dalam menjalani kehidupan sehariannya. Namun apa yang penting, tiap yang rajin berusaha tanpa menghirau kecacatan yang dialaminya akan tetap berjaya di dalam kehidupan. Usaha dengan keringat sendiri, dengan tulang empat kerat itu adalah lebih bermakna di sisi Tuhan daripada hidup meminta-minta. Tambahan pula menggunakan kecacatan untuk mengharapkan belas kasihan orang lain. Dengan ertikata yang lain, faktor kecacatan sama ada cacat penglihatan, pendengaran mahupun cacat anggota badan yang lain akan sedikit sebanyak menghalang seseorang itu daripada memperolehi pendapatan yang lebih lumayan untuk menyara hidupnya.

(b) <u>Faktor Alam</u>

Seringkali diperkatakan orang bahawa kehendak manusia tidak terbatas tetapi dibatas oleh faktor-faktor untuk mendapatkan

nya. Begitulah juga di dalam hal ini, sesuatu bencana ataupun perubahan alam adalah kehendak Tuhan, manusia hanya merancang dan cuba mengatasinya tetapi Tuhan jua yang menentukannya. Antaranya seperti banjir, kemarau dan wabak penyakit akan mendatangkan pelbagai masalah. Banjir ataupun kemarau yang berpanjangan akan memusnahkan tanaman, ternakan dan sebagainya. Ini juga sedikit sebanyak mempengaruhi keadaan kemiskinan itu.

(c) <u>Faktor Kebudayaan dan Sosial</u>

Faktor-faktor ini juga mempunyai pengaruh yang kuat ke atas kehidupan orang perseorangan ataupun kumpulan. Sekiranya dorongan untuk bekerja kuat adalah kurang, ditambah pula dengan pembatasan ciri-ciri budaya dan sosial yang tradisi menebal padanya untuk menerima amalan moden, kemajuan sepenuhnya tidak akan diperolehi dan isirumah-isirumah yang mempunyai nilai dan sikap sedemikian akan terus ketinggalan.

(d) <u>Perkembangan Ekonomi Dalam dan Luar Negeri</u>

Perkembangan ekonomi di dalam sesebuah negara itu juga dikatakan dipengaruhi oleh keadaan ekonomi luar negeri. Tambahan pula wujudnya konsep negara mundur, negara membangun, negara sedang membangun dan negara yang telah maju. Negara maju menjadi penggerak utama ekonomi dan mengawal kedudukan ekonomi negara-negara lain. Inilah yang dikatakan sebagai 'dependency'. Misalnya isu yang ketika ini, iaitu kemeseletan ekonomi telah mengakibatkan kejatuhan harga barangan adalah juga di luar

kawalan isirumah yang bergantung sepenuh atau sebahagiannya kepada barangan ini untuk menyara kehidupan mereka ini. Ini dibebankan pula dengan keadaan-keadaan sosio-ekonomi dalam negara yang sedikit sebanyak meninggalkan kesan ke atas masyarakat khasnya mempunyai pendapatan rendah. Misalnya Prof. Syed Husin Ali[27] mengatakan struktur institusi ekonomi dan politik pada masa ini lebih merupakan punca paling besar yang menyebabkan kemiskinan orang-orang Melayu di luar bandar khasnya.

Demikianlah beberapa faktor yang telah pengkaji senaraikan menjadi teras utama dalam mengwujudkan kemiskinan. Namun apa yang penting di dalam usaha mengatasi kemiskinan haruslah dikenalpasti masalah atau sebab-sebab kemiskinan itu dahulu. Ini kerana jikalau peruntukan dan bantuan ditambah sedangkan punca sebenar kemiskinan tidak dikenalpasti maka ianya tidak akan mendatangkan apa-apa hasil, kerana ianya dapatlah dianggap sebagai pemulihan semata-mata.

Walaupun begitu pada pendapat pengkaji, 3 perkara utama yang mempunyai hubungkait yang lebih rapat dengan kemiskinan ialah pendapatan, pelajaran dan pekerjaan. Tiap satunya saling kait mengait. Misalnya, faktor pelajaran akan menentukan jenis pekerjaan dan jenis pekerjaan pula akan menentukan tingkat pendapatannya. Adakah ini benar? Misalnya jikalau seseorang itu tidak berpelajaran, sudah pasti ia akan gagal menjawat jawatan yang tinggi dan seterusnya tidak mempunyai peluang pendapatan

[27] Syed Husin Ali, 'Penumpuan Milik Tanah dan Kemiskinan Di Kalangan Melayu Luar Bandar," dalam Apa Erti Pembangunan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1978, m.s. 34.

yang tinggi juga. Namun segala-galanya kadangkala berubah. Ada juga yang tidak berpelajaran tetapi telah berjaya dalam hidup ataupun kariernya, khasnya di dalam bidang perniagaan.

Rajah 3.1: Lingkaran/Hubungkait Kemiskinan




Sumber: Daripada Pengkajian Kes

Daripada rajah di atas menunjukkan saling kait mengait antara satu sama lain. Inilah juga masalah yang dialami oleh responden di kawasan kajian kes pengkaji. Yang nyata tingkat pelajaran yang rendah menyebabkan mereka berada di tahap lama juga. Seringkali juga dikatakan wujud dua aliran yang timbal balik di antara faktor pengeluaran dan kemiskinan. Adakah kemiskinan menyebabkan nelayan tidak dapat menggunakan faktor-faktor pengeluaran semaksima yang mungkin ataupun adakah kerana kekurangan faktor-faktor menyebabkan mereka miskin? Samalah jikalau pengkaji mengajukan persoalan tentang manakah yang wujud terdahulu di antara telur dan ayam?

(e) Dari Segi Demografi

Malthus, seorang ahli demografi ekonomi telah mengatakan bahawa pertambahan penduduk akan menimbulkan pelbagai masalah pula. Antaranya seperti masalah mendapatkan tempat tinggal, masalah mendapatkan makanan dan beberapa keperluan asas yang lain. Adakah ini benar? Kemajuan sains dan teknologi dalam zaman yang serba maju dan moden ini sedikit sebanyak dapat mengatasi masalah ini. Wabak penyakit dapat diatasi dengan kaedah perubahan moden. Masalah kekurangan makanan dapat diatasi pula dengan peningkatan hasil-hasil keluaran melalui teknik-teknik moden, benih yang bermutu dan sebagainya. Walaupun begitu Nor Laily dan Yusuf Yunus[28] pula mengatakan bahawa untuk meningkatkan harta kekayaan di dalam sesebuah negara ialah melalui pengurangan kadar pertumbuhan penduduk ataupun dengan ertikata yang lain ialah dengan mengurangkan kadar kelahiran. Adakah ini benar? Pada pendapat pengkaji, soal miskin ataupun kaya bukannya terletak kepada bilangan penduduk tetapi kepada kemampuan penduduk mengeksploitasi sumber-sumber ekonomi sebaik mungkin.

(f) Dari Segi Pergantungan Sektor Tradisi Dengan Sektor Moden

Teori ini adalah lebih berasaskan kepada konsep sejarah yang lalu, di mana negara yang dijajah seringkali dikatakan bergantungan ekonomi kepada negara penjajah/kolonial. Juga

---

[28] Nor Laily dan Yusuf Yunus, Kependudukan dan Pembangunan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982.

terdapatnya hubungan yang berterusan antara sektor luar bandar dengan sektor bandar ataupun antara sektor tradisi dengan sektor moden. Ia akan mewujudkan satu ciri kemunduran yang berterusan sama ada luar bandar atau tradisi itu terhadap sektor bandar atau moden yang secara tidak langsung adalah berasaskan kepada sistem ekonomi kapitalis. Inilah antara lain yang telah disarankan oleh seorang tokoh ekonomi iaitu Andre Gunder Frank.[29]

Ianya dapat dianggap sebagai hubungan "metropolis satelit". Secara takrifannya negara-negara mundur adalah satelit manakala negara maju adalah metropolis. Dan jikalau ditinjau dalam konteks negara pula, kawasan yang jauh di pendalaman akan dianggap satelit manakala kawasan pusat bandar pula dianggap sebagai metropolis. Hubungan ini akan sentiasa berterusan.

Pada hakikatnya hubungan metropolis satelit ini tidak hanya berlaku dalam bidang ekonomi bahkan juga politik dan sosial di antara negara membangun dan negara-negara yang telah maju.

(g) Dari Segi Teknologi dan Modal

Di dalam teori ini, ianya memberatkan faktor teknologi dan modal. Kononnya, kemiskinan ataupun kemunduran sesebuah negara itu didasarkan kepada tingkat teknologi khasnya dan modal amnya. Dengan ertikata yang lain samalah jikalau pengkaji menyatakan bahawa dari segi status individu, apakah kereta itu

---

[29] Andre Gunder Frank, Dependence and Underdevelopment, Anchor Books, New York, 1970, m.s. 3.

melambangkan ia telah terlepas daripada dikategorikan sebagai miskin? Zaman dahulu ini mungkin benar tetapi dalam konteks sekarang, kereta tidak lagi dianggap barang mewah tetapi hanyalah sebagai barang keperluan.

Berbalik kepada persoalan tadi, apalah gunanya punyai teknologi yang tinggi di sebalik mempunyai penduduk yang malas bekerja? Biarlah diseimbangkan antara tingkat teknologi, modal dan bilangan penduduk dengan kerajinannya. Jikalau diteliti, istilah 'teknologi' bukanlah satu yang baru, pada zaman dahulu kala juga telah wujud teknologi. Pada pengkaji, orang zaman batu dan selepasnya yang berjaya mencipta alatan memburu seperti panah, lembing, parang, pisau, kapak juga dapat dianggap telah mempunyai teknologi semata-mata untuk 'survival'.

Berdasarkan kajian kes, pengkaji mendapati memanglah tidak dapat dinafikan bahawa faktor teknologi dan modal turut membataskan dalam daya pengeluaran mereka. Andaian yang kerapkali dibuat ialah sektor ekonomi di luar bandar seperti perladangan, pertanian mahupun perikanan masih lagi tradisional kerana tidak menggunakan teknologi, modal ataupun teknik-teknik moden di dalam operasinya. Namun begitu, keinginan sesebuah negara yang mundur ataupun sedang membangun untuk mempertingkatkan tahap penggunaan modal dan teknologi yang tinggi dapat diamalkan jikalau diwujudkan strategi yang berbentuk difusi, integrasi dan akulturasi. Dengan ertikata yang lain, penyesuaian teknologi kepada masyarakat setempat haruslah dilakukan untuk menyakinkan mereka bahawa ianya

sedikit sebanyak akan membantu mengurangi beban yang ditanggungnya selama ini.

(h) Dari Segi Nilai Peribadi dan Budaya Masyarakat

Di dalam hal ini, ianya lebih banyak menekankan mengenai ciri-ciri peribadi dan nilai-nilai bekerja yang ada pada seseorang individu itu. Seringkali dikaitkan miskinnya seseorang itu adalah kerana ia malas bekerja, kaya, miskin, rezeki, jodoh pertemuan ditentukan oleh Tuhan dan kononnya rezeki secupak tidak akan menjadi segantang.

Menurut seorang ahli ekonomi, Brian Parkinson[30] dalam artikelnya 'Land Economic Factor in the Economic Revelation of the Rural Malay' antara lain telah menyatakan bahawa masyarakat Melayu di luar bandar masih lagi di dalam kemunduran kerana tidak mahukan perubahan. Adakah ini benar? Dalam kajian kes, pengkaji mendapati responden begitu berminat untuk menerima perubahan yang menguntungkan mereka, dan dapat mengubah nasib mereka. Parkinson juga mengatakan ataupun meletakkan Islam sebagai salah satu faktor yang bertanggungjawab terhadap kemunduran orang Melayu. Antara lain, ia menulis:

> "Islam percaya bahawa satu lagi faktor penting yang mempengaruhi tingkahlaku ekonomi orang Melayu, kerana ia cenderung untuk menjadikan mereka berserah pada nasib dalam pendekatan mereka terhadap kehidupan."[31]

[30] Parkinson, B.K., 'Non Economic Factor in the Economic Retardation of the Malays,'Modern Asian Studies, Vol. 1, 1967, m.s. 15 - 25.

[31] Ibid.

M.G. Swift[32] menyokong pendapatnya. Dalam bukunya "Malay Peasant Society in Jelebu" dikatakan orang Melayu mengalah setelah menerima kegagalan dan mengatakan bahawa dia tidak bernasib baik dan bahawa itu adalah kehendak Tuhan. Pendapatnya ini disokong oleh Raymond Firth yang mengkaji nelayan-nelayan di Pantai Timur.[33]

(i) Dari Segi Sejarah

Apabila masalah kemunduran ataupun kemiskinan orang Melayu dibincangkan maka apa yang seringkali tergambar ialah kerajaan kolonial ataupun Inggeris terutamanya telah mencorakkan keadaan sebegitu. Ini amat tepat ataupun berasas sekali jikalau ditinjau dari sudut ekonomi orang Melayu.

Misalnya dikatakan tindakan dasar 'pecah dan perintah' Inggeris itu telah menyebabkan hak-hak orang Melayu sebagai peribumi dirampas. Pengkaji beranggapan kemasukan tenaga buruh Cina dan India pada abad 19 dan 20 telah menyebabkan keadaan ini berlaku.

Dasar pelajaran yang dikemukakan oleh Inggeris juga mempunyai ciri-ciri penindasan. Kononnya orang Melayu diajar supaya lebih pandai sedikit daripada bapanya. Samada dalam bidang pertanian, penternakan ataupun perikanan. Sejauhmanakah hakikat

---

[32] Swift, M.G., Malay Peasant Society in Jelebu, The Anthlone Press, London, 1965.

[33] Firth, R., Housekeeping Among Malay Peasants, London School of Economics, Monograph on Social Anthropology, No. 7 (2nd ed.), 1966.

ini benar? Dari pengkajian pengkaji di tempat kajian kes, pengkaji mendapati ianya benar. Misalnya dari segi tahap pendidikan responden. Responden beranggapan pekerjaan sebagai nelayan adalah satu yang turun temurun dan yang cuma berubah adalah pemikiran setelah disesuai dengan keadaan semasa sahaja daripada ibubapa mereka sebelum ini. (Pengkaji akan membincangkan dengan lebih lanjut lagi di Bab IV nanti)

Walaupun begitu Ungku Abdul Aziz[34] telah menyatakan bahawa andaian-andaian atau teori yang dikemukakan oleh pengkaji barat itu tidak tepat dan bersifat 'ethnosentrisme'.[35] Mengikut beliau, orang Melayu sebenarnya rajin. Kalau tidak masakan petani sanggup ke ladang ataupun ke sawah dan berjemur di panas terik matahari. Manakala nelayan pula sanggup ke laut menyabung nyawa walaupun laut bergelora untuk mencari rezeki buat menyambung hidup sehari-hari. Mengikut Allahyarham Pendita Zaaba, kemiskinan yang dialami oleh orang Melayu dapat dibahagikan kepada 2 kategori yang utama, namun faktor pelajaran dianggap sebagai faktor yang membawa kepada kemiskinan. Tetapi mengikut Teoh Seang Hooi, beranggapan bahawa amalan hidup sebahagian besar orang Melayu menjadi punca kemunduran mereka.[36]

---

[34] Aziz, U.A., "Poverty and Disguished Starvation", Kajian Ekonomi Malaysia, Vol. II (1), 1965, m.s. 25 - 27.

[35] International Encyclopedia of the Social Sciences (m.s. 546). Culture: Cultural Relativism mengatakan 'ethnosentrisme' itu sebagai sikap atau kepercayaan bahawa kebudayaan kita sendiri adalah lebih baik dan lebih tinggi nilainya dari kebudayaan kelompok lain. Juga lihat, Konsep Asas Sosiologi oleh Ting Chew Peh, DBP, KL, m.s. 19.

[36] Lihat 'Kemunduran Orang Melayu dari Pandangan Bukan Melayu' oleh Teoh Seang Hooi dalam Dewan Masyarakat, Februari 1981, m.s. 40 - 42.

## 3.4 Kesimpulan

Dengan ini jelas menunjukkan bahawa terdapat pelbagai andaian dan juga tanggapan tentang kemiskinan. Daripada perangkaan yang dikeluarkan oleh kerajaan pada tahun 1984. Jumlah isirumah nelayan ialah 34.3%, manakala jumlah isirumah miskin ialah 9.5% dan kadar kemiskinannya pula adalah 27.7%, manakala pada tahun 1976, jumlah isirumah ialah 28.0% manakala jumlah isirumah miskin ialah 17.6% dan kadar kemiskinan ialah 62.7%. Ini seperti mana yang ditunjukkan melalui Jadual 3.1.

Adakah maklumat ini benar? Sebagai contoh, dalam menetapkan sama ada Dasar Ekonomi Baru (DEB) sudah tercapai matlamatnya, kita hanya mengkaji berdasarkan data dan angka peratusan sahaja. Ini kerana perkara sebegitu adalah dianggap sebagai bahan pengukur yang utama. Untuk menunjukkan jumlah orang Melayu yang sudah mampu memiliki saham syarikat perdagangan dan perindustrian. Walhal yang perlu diteliti ialah sejauhmanakah orang Melayu khasnya secara keseluruhan yakni sama ada petani, nelayan ataupun penternak sudah benar-benar menikmati hasil perkembangan ekonomi.

Memanglah tidak dapat dinafikan banyak program-program yang telah dan akan dilakukan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Walaupun begitu kerajaan, pada dasarnya yang dibentuk oleh manusia dan setiap manusia punyai kelemahannya. Bahkan jika dibandingkan dengan peruntukan dan tindakan kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan di luar dan dalam bandar dengan

JADUAL 3.1

SEMENANJUNG MALAYSIA: KADAR KEMISKINAN[1]

MENGIKUT KAWASAN - LUARBANDAR 1970, 1976 DAN 1984

| STRATA | 1970[2] | | | 1976[3] | | | 1984[4] | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Jumlah isirumah ('000) | Jumlah isirumah ('000) | Kadar kemiskinan ('000) | Jumlah isirumah ('000) | Jumlah isirumah ('000) | Kadar kemiskinan ('000) | Jumlah isirumah ('000) | Jumlah isirumah ('000) | Kadar kemiskinan ('000) |
| LUAR BANDAR[5] | 1,203.4 | 705.9 | 58.7 | 1,400.8 | 669.6 | 47.8 | 1,629.4 | 402.0 | 24.7 |
| Pekebun Kecil Getah | 350.0 | 226.4 | 64.7 | 126.7 | 73.8 | 58.2 | 155.2 | 67.3 | 43.4 |
| Penanam Padi | 140.0 | 123.4 | 88.1 | 187.9 | 150.9 | 80.3 | 116.6 | 67.3 | 57.7 |
| Pekerja Estet | 148.4 | 59.4 | 40.0 | - | - | - | 81.3 | 16.0 | 19.7 |
| Nelayan | 38.4 | 28.1 | 73.2 | 28.0 | 17.6 | 62.7 | 34.3 | 9.5 | 27.7 |
| Pekebun Kecil Kelapa | 32.0 | 16.9 | 52.8 | 19.3 | 12.4 | 64.0 | 14.2 | 6.6 | 46.9 |
| Petani-petani Lain[6] | 144.1 | 128.2 | 89.0 | 528.4 | 275.4 | 52.1 | 464.2 | 158.8 | 34.2 |
| Industri[7] | 350.5 | 123.5 | 35.2 | 510.5 | 139.5 | 27.3 | 763.6 | 76.5 | 10.0 |

Sumber: Buku Rancangan Malaysia Ke 5.

1. Kadar kemiskinan bagi tahun 1970 adalah berasaskan pendapatan garis kemiskinan perkapita, manakala bagi tahun 176 dan 184 berasaskan garis kemiskinan kasar bagi tahun-tahun berkenaan.

2. PESialah penyiasatan sampel yang meliputi 25,000 isirumah di Semenanjung Malaysia.

3. Banci pertanian 1977 (untuk tahun rujukan 1976) meliputi 188,000 isirumah di Malaysia.

4. Penyiasatan pendapatan isirumah, 1984 ialah penyiasatan sampel yang meliputi 60,250 isirumah di Malaysia.

5. Isirumah ditakrifkan semula berasaskan perubahan dan pekerjaan ketua isirumah.

6. Termasuk petani-petani lain seperti pekebun kecil kelapa sawit, pekebun kecil lada hitam, pekebun kecil nenas, penanam tembakau dan penternak ayam - itik serta ternakan lain.

7. Termasuk isirumah yang melibatkan diri dalam sektor-sektor perlombongan, pembuatan, pembinaan, pengangkutan dan kemudahan awam serta perdagangan dan perkhidmatan.

negara-negara kurang maju lain jelas terbukti peruntukan dan tindakan kerajaan Malaysia amatlah tinggi dan tegas. Misalnya kerajaan telah berjaya mengurangkan tahap kemiskinan kepada 18% pada tahun 1984 berbanding dengan 49.3% pada tahun 1970 tetapi berbanding dengan usaha dan peruntukan yang telah dibuat hasilnya tidaklah seperti yang diharapkan. Ini sememangnya tidak dapat dinafikan oleh pengkaji. Kemiskinan tidak akan dapat dihapuskan sepenuhnya, yang mampu dilakukan hanyalah mengurangkannya. Inilah antara lain yang pernah disuarakan oleh Mahatma Ghandi 'bahawa peperangan menentang kemiskinan adalah satu yang sukar ditamatkan'. Bahkan YAB Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pernah menyatakan:

> "... Peradaban masa kini akan dikutuk oleh generasi akan datang jika kita berjaya menghantar manusia ke bulan tetapi tidak mampu membantu manusia miskin di bumi, sedangkan kosnya terlalu kecil."[37]

Kesimpulannya, pengkaji berpendapat kemiskinan ada di mana-mana. Ianya akan tetap berterusan, entah bila dan di manakah penghujungnya tiada siapa yang tahu, setinggi mana pun kemajuan sains dan teknologi, namun kemiskinan akan sentiasa di sekeliling kita.

---

[37] Ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, lihat Berita Harian, 6hb. Oktober, 1988, m.s. 1.

# BAB IV

## KEMISKINAN DALAM KOMUNITI NELAYAN KUALA GULA

Di dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh komuniti nelayan di perkampungan tersebut. Tumpuan utama pengkaji adalah mengenai masalah sosio-ekonomi, tambahan pula seringkali dikaitkan kemiskinan dengan keadaan sosio-ekonomi sesebuah komuniti itu. Pengkaji berpendapat, terdapat 3 pembahagian masalah yang besar dihadapi oleh komuniti itu, iaitu:

1. Masalah Berkaitan Aktiviti Perikanan
2. Masalah Berkaitan Dengan Pendapatan, Pola Penggunaan dan Simpanan Nelayan, dan
3. Masalah Berkaitan Dengan Infrastruktur ataupun Kemudahan-Kemudahan Asas

Seperti mana yang telah disebutkan, terdapat dua perkampungan nelayan di Kuala Gula, iaitu sebuah perkampungan yang didiami oleh kaum Melayu (yang menjadi kajian kes pengkaji) dan sebuah lagi yang didiami oleh kaum Cina. Walaupun jarak antara kedua-dua perkampungan itu hanyalah $\frac{1}{2}$ km, tetapi terdapat perbezaan dari segi sosio-ekonomi yang begitu ketara sekali antara kedua-dua perkampungan tersebut. Bukan sahaja daripada aktiviti perikanan yang menunjukkan perkampungan nelayan Cina lebih maju bahkan juga dari segi infrastruktur ataupun kemudahan-

kemudahan asas yang terdapat di perkampungan itu.

Perkampungan nelayan (yang menjadi kajian kes pengkaji) adalah bersifat tradisional dalam segala keadaan sama ada dari segi sosial mahupun kegiatan ekonominya. Haruslah difahami, bahawa kemajuan sosial dan ekonomi adalah bagaikan 'aur dengan tebing' yakni sama-sama memerlukan dan bertanggungjawab ke atas kemajuan sesuatu masyarakat itu. Ini kerana perkembangan sosial adalah sebagai syarat utama dalam perkembangan ekonomi manakala perkembangan ataupun pertumbuhan ekonomi pula merupakan satu-satunya faktor paling penting di dalam menentukan perubahan sosial. Dengan itu, kemajuan dari segi ekonomi, sosial mahupun politik sesebuah komuniti itu, khasnya komuniti nelayan hendaklah dilihat daripada kedua-dua aspek yang saling bergantungan itu. Apa yang ingin pengkaji jelaskan di sini ialah kewujudan masalah sosio-ekonomi di dalam komuniti yang dikaji akan sedikit sebanyak membantutkan proses pembangunan ataupun kemajuan yang ingin dicapainya.

4.1 Masalah Berkaitan Aktiviti Perikanan

(a) Alatan Tradisi

Kampung Nelayan Kuala Gula merupakan sebuah perkampungan nelayan yang masih jauh ketinggalan dari segi kemajuan di dalam bidang perikanan. Kebanyakannya adalah terdiri daripada nelayan-nelayan tradisional yang bergantungan kepada hasil pendapatan tangkapan ikan dan udang dengan menggunakan perkakas-perkakas

tradisi seperti bubu, jaring, pukat hanyut, rawai dan pancing. Ini jelas menunjukkan kebanyakan alatan menangkap ikan adalah tidak produktif. Menurut Dr. Syed Husin Ali,[38] kampung tradisional dapatlah digambarkan sebagai:

> "Masyarakat kecil yang anggota-anggotanya mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat, dan hampir setiap keluarga mempunyai sebidang tanah yang kecil dan sebuah perahu yang kecil juga untuk menangkap ikan, kedua-duanya memadai untuk menanggung kehidupan sekeluarga."

Selain daripada itu, responden juga menggunakan bot-bot yang kecil yakni engin sangkut bukannya enjin dalam. Dengan menggunakan enjin sangkut responden hanya dapat keluar menangkap ikan dalam jarak kira-kira 2 batu sahaja daripada pantai. Ini kerana keadaan bot yang tidak mengizinkan nelayan untuk berada dalam jarak yang lebih jauh dari pantai, tambahan pula ianya amat merbahaya jikalau laut bergelora dan angin terlalu kencang. Enjin sangkut yang hanya 5 - 8 kuasa kuda (kk) juga tidak mampu untuk digunakan menangkap ikan dalam jarak yang lebih jauh lagi daripada pantai. Maka sudah pastilah hasil tangkapan tidak dapat ditingkatkan dan secara tidak langsung ianya akan menyebabkan kekurangan dalam pendapatan, simpanan ataupun tabungan dan juga kekurangan di dalam modal.

---

[38] Syed Husin Ali, Apa Erti Pembangunan, DBP, KL, 1979, m.s. 53.

Jadual 4.1: Responden dan Jenis Alatan Perikanan

| Jenis* | Bil. Responden |
|---|---|
| Bubu | 12 |
| Pukat Hanyut | 20 |
| Rawai | 5 |
| Tangkul Ketam | 13 |
| JUMLAH | 50 |

Sumber: Dari Kajian Kes

Catitan: * Kesemua responden yang ditemui menyatakan mereka menggunakan bot enjin sangkut yang berkuasa kuda antara 5 - 8 kk.

* Pengkaji tidak memasukkan pancing sebagai alatan penangkapan ikan kerana boleh dikatakan kesemua responden yang ditemui menggunakan pancing sebagai alatan tambahan seharian mereka di dalam menangkap ikan. Bahkan pancing adalah amat digemari oleh anak-anak responden untuk menangkap ikan sebagai menambah wang saku mereka.

Disebabkan kekurangan modal maka responden tidak dapat untuk membina bot-bot menangkap ikan yang lebih besar dan enjinnya yang lebih baik. Namun responden tetap bersyukur pada Tuhan dengan apa yang dinikmati sekarang ini. Begitulah juga dengan alat-alat ataupun perkakas menangkap ikan. Kebiasaannya, responden tidak hanya menggunakan satu jenis perkakas menangkap ikan tetapi akan cuba untuk menggunakan perkakas yang lain semata-mata untuk menambah hasil tangkapan dan seterusnya meningkatkan pendapatan mereka.

Seperkara yang menarik di sini ialah pekerjaan di dalam bidang perikanan telah menjadi satu tradisi turun temurun di kalangan penduduk perkampungan ini, iaitu sama ada dari kanak-kanak hinggalah tua ataupun sebagai pekerjaan tetap sesuatu rumahtangga itu. Menurut responden, kekurangan tanah pertanian dan sumber pekerjaan yang lain menyebabkan mereka terpaksa meneruskan pekerjaan menangkap ikan yang tradisi itu. Pada pengkaji, ianya akan menjadi bertambah rumit dan menimbulkan pelbagai masalah yang lain. Misalnya, pertambahan tenaga buruh (terutamanya daripada anak-anak responden) tidak akan menambah tangkapan, seterusnya menaikkan pendapatan jikalau teknologi yang digunakan masih di peringkat tradisional.[39] Bayangkanlah, jikalau dahulu sesebuah bot itu digunakan oleh seorang responden sahaja tetapi kini terpaksa menggunakan tenaga buruh yang berlebihan pula. Pada tahap teknologi sedemikian, sudah pasti apa yang diharapkan tidak akan tercapai. Jika dibandingkan dengan petani, ia amat berbeza. Pertambahan tenaga buruh akan meringankan pekerjaan dan seterusnya sedikit sebanyak akan membantu dalam keluaran dan juga pendapatan. Dengan erti kata yang lain bayangkanlah bagaimana sebuah bot nelayan yang kecil dengan 8 ahli keluarga di dalamnya. Hasil keluaran ataupun pendapatankini terpaksa diagihkan kepada 8 bahagian atau 'panggu'[40] pula. Tambahan pula rezeki di laut tiada siapa yang tahu, ikan

---

[39] Misalnya penggunaan pukat,jenis enjin bot yang tidak lagi digunakan sekarang ini. Terutamanya dari segi teknik penangkapan ikan yang digunakan.

[40] 'Panggu' adalah istilah loghat daerah utara yang digunakan untuk menggambarkan 'bahagian' yang diterima.

tidak berada di satu tempat sahaja. Jadual di bawah menunjukkan struktur umur responden dan bilangannya yang terdapat di perkampungan tersebut.

Jadual 4.2: Struktur Umur Responden dan Bilangannya

| Umur (Tahun) | Bil. Nelayan | Peratus |
|---|---|---|
| Kurang daripada 20 | 2 | 4 |
| 20 - 30 | 31 | 62 |
| 31 - 40 | 3 | 6 |
| 41 - 50 | 6 | 12 |
| Lebih daripada 50 | 8 | 16 |
| JUMLAH | 50 | 100 |

Sumber: Tempat Pengkajian Kes

Daripada jadual di atas, jelas menunjukkan bahawa nelayan di perkampungan ini terdiri daripada golongan belia yang berumur sehingga 30 tahun. Selepas daripada tahap sedemikian, bilangan nelayan semakin berkurangan.

(b) Pencemaran

Hasil penangkapan ikan juga berkurangan kerana terdapatnya pencemaran yang dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Misalnya di perkampungan tersebut terdapat sebuah kilang kelapa sawit yang membuangkan segala bahan buangannya ke dalam sungai dan seterusnya laut yang berdekatan. Akibatnya ikan, udang, ketam akan pupus akibat pencemaran tersebut. Selain dari itu,

ada juga nelayan yang tidak bertanggungjawab menuba ikan di sungai, semata-mata untuk mendapat keluaran ataupun hasil tangkapan yang berlebihan. Ini akan menyababkan sungai dan laut seterusnya tercemar.

Nelayan-nelayan di perkampungan ini juga menjalankan aktiviti menangkap siput seperti siput belitong. Namun begitu akibat penebangan ataupun penerokaan hutan bakau sekitar sungai yang dilakukan secara haram menyebabkan siput itu kian pupus. Siput belitong akan memanjat pokok-pokok bakau dan melengkar di batang pokok tersebut apabila musim air pasang. Apabila air surut, nelayan akan mengutip siput-siput tersebut, tetapi akibat daripada aktiviti penebangan hutan menyebabkan siput-siput tiada lagi tempat untuk berpaut.

(c) Pencerobohan

Masalah pencerobohan seringkali disuarakan oleh nelayan-nelayan pantai di Malaysia. Sikap tamak haloba di kalangan nelayan-nelayan yang menggunakan pukat kengka 2 bot dan pukat hanyut menyebabkan mereka sanggup menceroboh di kawasan yang telah ditetapkan[41] kepada nelayan pantai ataupun nelayan tradisional itu. Mengapakah keadaan ini wujud? Inilah yang

---

[41] Misalnya telah ditetapkan:

Zon A - Jarak dari pantai (notika) - 5 batu atau kurang. Muatan bot yang dibenarkan (GRT) ialah di bawah 40 GRT (tan). Jenis perkakas menangkap ikan untuk perkakas tradisional, dan dibenarkan memiliki lebih dari 1 jenis alat tradisional.

Zon B - Jarak ke atas 5 batu hingga 12 batu notika. Muatannya 40 GRT (tan) dan ke atas. Perkakas yang digunakan ialah Kengka 2 bot, jerut dan tunda.

dikatakan sikap tamak dan irihati yang wujud semata-mata untuk mengaut keuntungan semaksima yang mungkin. Daripada penelitian pengkaji, pencerobohan tersebut dilakukan oleh nelayan yang mempunyai bot ataupun alat-alat kelengkapan menangkap ikan yang lebih lengkap dan moden. Ianya dilakukan oleh nelayan-nelayan tempatan daripada perkampungan yang lain. Menurut responden, "bukan setakat ikan-ikan biasa yang dikautnya bahkan habis anak-anak ikan dan datuk-datuk ikan yang turut diambilnya". Jadi apakah yang akan tinggal kepada nelayan tradisional. Ini akan menyulitkan keadaan yang sedia ada itu, terutamanya dari segi hasil tangkapan dan seterusnya pendapatan akan berkurangan.

## 4.2 Masalah Berkaitan Dengan Pendapatan, Pola Penggunaan Dan Simpanan Nelayan

### 1. Masalah Pendapatan Di Kalangan Nelayan

Kemiskinan dan pendapatan adalah isu yang saling bergantungan ataupun kait mengait antara satu sama lain. Kemiskinan wujud dikatakan disebabkan oleh kekurangan dalam pendapatan manakala pendapatan pula dikatakan ukuran di dalam kemiskinan. Berbalik pada persoalan pendapatan di kalangan nelayan, ianya begitu berbeza sekali di antara seseorang nelayan dengan nelayan yang lain. Misalnya dari segi saiz keluarga, jenis pukat, bot, enjin, pengalaman, kebolehan dan juga nilai peribadi seseorang itu akan mengwujudkan perbezaan jurang pendapatan antara satu sama lain.

(a) Saiz Keluarga

Saiz keluarga yang kecil akan dapat membantu meninggikan pendapatan. Ini kerana hasil pendapatan hanya digunakan untuk perbelanjaan dalam lingkungan saiz keluarga yang sedemikian sahaja. Andainya saiz keluarga itu besar, tetapi tidak dapat mencari sumber pendapatan yang lain selain daripada aktiviti perikanan maka sudah pastilah jumlah perbelanjaan tidak akan setimpal dengan pendapatan yang diperolehi. Harus juga diingatkan, dalam konteks kajian kes pengkaji merasakan adalah lebih wajar responden mempunyai saiz keluarga yang kecil. Ini berdasarkan keadaan sosio-ekonomi yang dialami ketika ini. Andainya pendapatan responden masih di tahap lama, maka sudah pastilah jumlah perbelanjaan untuk tanggungan akan semakin meningkat tambahan pula di dalam keadaan ekonomi meleset ini.

Selain dari itu, jenis pukat, bot serta enjin yang digunakan akan turut membantu responden meningkatkan pendapatannya. Tidak dapat juga dinafikan soal pengalaman, kebolehan dan juga nilai peribadi responden tentang masa depan akan turut menjadi faktor utama kenaikan ataupun penurunan jumlah pendapatan seseorang itu. Misalnya, terdapat responden yang bergantung hidup dengan aktiviti perikanan sahaja tanpa mencari sumber pendapatan melalui pekerjaan lain. Ada juga responden yang sedar dan seterusnya mengubah sikap untuk lebih tekun berusaha, gigih dengan menjalankan pekerjaan sampingan semata-mata untuk meninggikan taraf hidup mereka. Jadual berikut menunjukkan

responden dan pekerjaan sampingan mereka.

Jadual 4.3: Pekerjaan Sampingan Responden

| Pekerjaan | Bil. Nelayan | Peratus |
|---|---|---|
| Tanpa Kerja Lain | 35 | 70 |
| Peraih Ikan/Udang/Ketam | 2 | 4 |
| Buruh Ladang | 10 | 20 |
| Berniaga | 3 | 6 |
| JUMLAH | 50 | 100 |

Sumber: Tempat Pengkajian Kes

Jadual 4.4: Hitung Panjang Pendapatan Bulanan Responden

| Hitung Panjang Pendapatan Bulanan ($) | Bil. Nelayan | Peratus |
|---|---|---|
| 100 - 149 | 2 | 4 |
| 150 - 199 | 10 | 20 |
| 200 - 249 | 28 | 56 |
| 250 - 300 | 8 | 16 |
| *Lebih 300 | 2 | 4 |
| JUMLAH | 50 | 100 |

Sumber: Tempat Pengkajian Kes

Catitan: *Responden yang mempunyai pendapatan melebihi $300 sebulan adalah mereka-mereka yang mempunyai pekerjaan sampingan seperti berniaga, buruh ladang ataupun peraih

(b) Masalah Pemasaran

(i) Peranan Orang Tengah

Masalah pendapatan nelayan juga seringkali dikaitkan dengan kewujudan golongan orang tengah dan faktor musim di dalam proses pemasaran. Pendapatan nelayan seringkali dipengaruhi oleh kedua-dua aktiviti tersebut. Walaupun begitu yang lebih ketara adalah mengenai aktiviti orang tengah di dalam proses pemasaran ini. Bagaimanakah ianya berlaku? Masalah orang tengah bukanlah masalah yang baru, ianya telah wujud sejak dahulu lagi. Bukan sahaja dalam aktiviti perikanan bahkan juga di dalam aktiviti ekonomi yang lain. Ini kerana soal keuntungan melalui penindasan menjadi tujuan utama kewujudan orang tengah.

Syed Husin Ali[42] pernah menyebutkan:

> "Penindasan sama ada oleh tuan-tuan tanah, orang yang memberi hutang, ataupun orang tengah sebenarnya adalah cerita lama. Tetapi cerita lama ini perlu disebut-sebut kerana kadang-kadang cerita lama ini dek begitu lama sangat, orang tidak begitu peduli. Kemiskinan secara berleluasa itu memerlukan pembangunan secara berleluasa pula. Oleh sebab salah satu punca kemiskinan adalah keadaan terbiar dan keadaan penindasan, maka untuk menghapuskan kemiskinan dan meluaskan pembangunan sangat perlulah kita melenyapkan punca-punca kemiskinan tadi."

---

[42] Syed Husin Ali, Apa Erti Pembangunan, DBP, K.L., 1979, m.s. 11.

Dalam konteks kajian kes, pengkaji mendapati kebanyakan nelayan (hampir keseluruhannya) menjual hasil penangkapan seperti udang, ketam, ikan kepada orang tengah ataupun peraih-peraih dan tidak terus kepada pengguna. Walaupun begitu, kadangkala terdapat juga pengguna yang datang ke perkampungan tersebut untuk membelinya sendiri. Orang tengah ataupun peraih ini sudah pasti akan mendapatkan keuntungan dengan menjual hasil nelayan tersebut dengan harga yang lebih tinggi daripada yang ditawarkan kepada nelayan.

Secara gambarajah dapatlah diterangkan seperti berikut:

Rajah 4.5: Struktur Pemasaran Nelayan Di Kawasan Kajian Kes




Sumber: Dari Tempat Pengkajian

Terdapat beberapa alasan tertentu yang telah dikemukakan oleh responden mengapa mereka harus menjualkan hasil-hasil tangkapan kepada orang tengah. Antaranya ialah:

(a) Terikat Pada Hutang Lama

Misalnya, responden pernah meminjam wang daripada orang tengah sewaktu kesempitan sama ada untuk perbelanjaan seharian seperti membeli makanan, pakaian, ubatan, perbelanjaan persekolahan anak-anak ataupun perbelanjaan untuk merawat enjit bot, membaiki pukat dan perbelanjaan yang lain. Keadaan telah menentukan segala-galanya. Wang yang diterima sebagai pendahuluan itu tidak dapat dijelaskan kembali dalam tempoh yang ditetapkan. Bahkan kadar bunga semakin bertambah. Akibatnya, untuk menyelesaikan masalah ini, hasil tangkapan diserahkan pada orang tengah itu semata-mata supaya bebanan hutang yang ditanggung akan berkurangan. Daripada tinjauan pengkaji, ianya akan tetap berlanjutan. Responden akan terus berhutang dari orang tengah dan hasil tangkapan akan terus berterusan diserah kepada orang tengah itu. Di laut iakan sememangnya hak nelayan tetapi apabila ia sudah sampai ke darat, ia telah menjadi hak peraih atau orang tengah itu.

(b) Kemudahan Yang Disediakan Oleh Orang Tengah - Hakmilik

Selain daripada kemudahan pinjmanan yang disediakan oleh orang tengah itu tadi, orang tengah juga telah menyediakan pelbagai kemudahan yang lain. Antaranya kemudahan pembelian

kelengkapan menangkap ikan,penggunaan bangsal, jeti, bekalan minyak dan kemudahan bekalan air batu. Apabila nelayan menggunakan kemudahan yang disediakan oleh orang tengah itu, ianya adalah sebagai salah satu cara untuk memerangkap nelayan itu sendiri. Apabila kos penyewaan ataupun penggunaan kemudahan itu tidak dapat dibiayai oleh nelayan maka sebagai gantinya adalah hasil tangkapan terpaksa diserahkan kepada orang tengah itu. Akibatnya nelayan akan diikat dengan hutang dan harga pasaran yang rendah.[43] Inilah yang dikatakan "lari dari mulut harimau, terserempak pula dengan mulut buaya".

Ternyatalah kini, kemiskinan bererti bukanlah saja kekurangan sumber untuk memberikan pendapatan serta penghidupan yang sempurna, tetapi juga kerana kedudukan yang tidak sempurna ataupun buruk yang wujud di lapisan sosio-ekonomi paling rendah dalam masyarakat, yang memperlihatkan pembahagian kekuasaan dan kekayaan yang tidak sama. Inilah akibat daripada kehidupan nelayan khasnya yang sentiasa terancam oleh orang tengah, peraih yang memberi hutang itu.

Dukacita juga diingatkan, kemasukan sistem kapitalis ke kampung-kampung telah mengwujudkan golongan baru. Golongan baru yang dimaksudkan oleh pengkaji ialah golongan yang dapat memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi mereka tanpa mengira apakah kesan terhadap orang lain. Mereka bertindak berlawanan dengan

---

[43] Lihat Berita Harian, Selasa 14 April 1981.

dasar perikemanusiaan, tetapi yang diutamakan ialah dasar keuntungan dan pandai bertindak dalam bidang perniagaan tanpa merasai apa-apa halangan sosial atau moral. Dengan wujudnya institusi-institusi ekonomi seperti ekonomi kewangan, orang tengah, tuan tanah dan peminjam wang, maka mereka dari golongan kecil ini dapat bergerak walaupun dengan cara dan kesan yang berbeza.[44]

Berbalik pada soal pemasaran tadi, orang tengah ataupun peraih itu mendapat keuntungan yang berlipat ganda daripada perniagaan yang dijalankan itu. Kemudahan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan dalam sistem kewangan akan semakin menyenangkan golongan orang tengah untuk melakukan kerja-kerja lintah darat mereka. Walaupun begitu penindasan daripada orang tengah tersebut dapat dikawal dengan cara mengadakan undang-undang sama ada untuk menyekat mahupun menghapuskan orang-orang yang boleh menjadi punca kemiskinan di kalangan rakyat. Gantinya adalah gerakan kerjasama, persatuan-persatuan nelayan ataupun koperasi. (Pengkaji akan membincangkan dengan lebih lanjut lagi mengenai gerakan di Bab V nanti).

(ii) <u>Musim</u>

Di kawasan kajian kes, sukacita dimaklumkan bahawa tidak terdapat musim tengkujuh seperti mana yang melanda Pantai Timur. Walaupun begitu keadaan pasang surut air laut

---

[44] Ibid., m.s. 16.

akan turut mempengaruhi tingkat pendapatan nelayan melalui hasil tangkapan yang didapati itu. Misalnya, apabila air pasang sudah pastilah ikan akan bertambah jikalau dibandingkan dengan air surut tetapi di dalam keadaan air pasang terdapat keburukannya pula terhadap nelayan-nelayan tradisional ini. Ini memandangkan keadaan bot/perahu enjin sangkut yang tidak dapat menahan ombak dan gelombang laut. Ini akan menjejaskan pendapatan responden. Ada pula musim-musim tertentu kehadiran ikan, udang ataupun ketam akan bertambah jikalau dibanding dengan keadaan biasa. Dengan itu tidak ada ketetapan pendapatan responden mengenai musim penangkapan ikan kerana mereka hanya dapat menilai di atas permukaan air laut sahaja tetapi kandungan di dalam ataupun dasar lautan tiada yang tahu.

2. Pola Penggunaan/Perbelanjaan Responden

Menurut Sritua Arief,[45] penggunaan ialah perbelanjaan sesebuah rumahtangga terhadap keperluan hidup seperti barang pengguna dan perkhidmatan. Seperti mana yang telah pengkaji nyatakan terdahulu, responden menggunakan pendapatan untuk perbelanjaan seharian seperti perubatan, merawat bot, enjin dan sebagainya.

(a) Perbelanjaan Untuk Keperluan Asas

3 perkara utama yang terkandung di dalam keperluan asas adalah makanan, pakaian dan tempat tinggal. Perbelanjaan

[45] Sritua Arief, Pengantar Ekonomi, Abbas Bandung Dan Pustaka Melayu Baru, 1969, m.s. 148.

untuk keperluan asas ini adalah berbeza mengikut tingkat pendapatan dan tanggungan responden. Jikalau responden mempunyai tingkat pendapatan yang tinggi tetapi tanggungan yang sedikit maka kemungkinan akan wujudnya simpanan ataupun tabungan di dalam rumahtangga itu dan begitulah sebaliknya. Semakin banyak tanggungan maka semakin tinggilah jumlah perbelanjaan responden itu. Daripada pengkajian pengkaji, kebanyakan responden mempunyai jumlah tanggungan antara 4 - 6 orang di dalam satu isirumah itu.

Jadual 4.5: Jumlah Tanggungan Responden

| Jumlah Tanggungan* | Bil. Responden | Peratus |
|---|---|---|
| 2 | 1 | 2 |
| 3 | 3 | 6 |
| 4 | 10 | 20 |
| 5 | 14 | 28 |
| 6 | 12 | 24 |
| 7 dan lebih | 10 | 20 |
| JUMLAH | 50 | 100 |

Sumber: Tempat Pengkajian Kes

Catitan: *Jumlah tanggungan yang dimaksudkan di sini meliputi diri responden dan mereka yang tinggal di dalam rumah responden tersebut.

Dari segi perbelanjaan untuk makanan, responden lebih banyak menggunakan sebahagian daripada pendapatannya untuk membeli beras, sayur-sayuran, ikan dan kopi juga teh. Namun

begitu daripada pemerhatian pengkaji, konsep 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang' masih wujud di sanubari penduduk di perkampungan ini. Misalnya, responden terpaksa berjimat dan seboleh-bolehnya apa yang dimakan pada sebelah pagi itu dapat disimpan untuk sebelah malamnya pula jika tidak untuk makan petang atau malamnya itu perlulah diusahakan semula sumbernya. Seperkara yang menjadi turun temurun masyarakat Melayu ialah mengambil sarapan ataupun minuman petang di kedai kopi. Apakah kelebihan ataupun keistimewaannya? Menurut responden, sumber maklumat ataupun penerangan isu semasa adalah di kedai kopi.[46] Di situ, mereka dapat berbincang tentang masalah semasa baik di perkampungan tersebut mahupun masalah yang wujud dalam negara masa kini. Di dalam pemilihan makanan, sebagai orang Melayu yang mengaku beragama Islam, mereka masih berlandaskan konsep halal ataupun haram.

Menyentuh mengenai pakaian, kabanyakan responden tidak terlalu ghairah dengan perkembangan fesyen sekarang ini. Mereka merasakan cukuplah apa yang ada, asalkan tidak menampakkan anggota tubuh. Walaupun begitu jikalau tiba musim-musim perayaan ataupun keramaian, barulah kelihatan mereka mengenakan pakaian-pakaian yang agak kemas dan cantik tidak seperti mana hari-hari biasa. Misalnya, apabila ketibaan hariraya, kenduri kahwin bahkan juga jikalau ada perjumpaan dengan pegawai-pegawai dan anggota-anggota kerajaan.

---

[46]Dari pemerhatian pengkaji, sesuatu notis pemberitahuan mengenai sesuatu hal juga diletakkan di kedai kopi itu, contohnya, oleh Jabatan Perikanan mengenai pembaharuan lesen menangkap ikan.

Perbelanjaan untuk perubahan tidaklah sebanyak nilainya yang dikeluarkan untuk perbelanjaan makanan. Ini kerana tidak pernah wujud penyakit yang serius di perkampungan tersebut. Tambahan pula, responden masih terikat dengan amalan-amalan perubatan bercorak tradisional seperti penggunaan bomoh, pawang ataupun dukun malahan jikalau terdapat penyakit yang biasa dialami seperti pening kepala, sakit perut, demam kebanyakannya responden lebih suka membeli ubat-ubatan daripada kedai-kedai runcit daripada mendapatkan rawatan dengan berjumpa doktor di klinik kerajaan mahupun klinik swasta.

Yang jelas, semakin tinggi ataupun banyaknya tanggungan di kalangan responden makin semakin tinggilah perbelanjaan yang terpaksa dikeluarkan untuk mendapatkan keperluan asas itu. Begitulah juga di dalam perbelanjaan persekolahan, semakin banyak ataupun ramai anak yang bersekolah maka semakin tinggilah jumlah perbelanjaan persekolahan. Ini jelas dibuktikan dengan merujuk jadual di bawah.

Jadual 4.6: Perbelanjaan Asas Mengikut Bilangan Ahli Keluarga Responden

| Bil. Ahli Keluarga | 2 | 4 | 6 | 8 |
|---|---|---|---|---|
| Beras | 30 | 35 | 40 | 60 |
| Sayur-Sayuran | 10 | 15 | 25 | 30 |
| Perbelanjaan Persekolahan | - | 15 | 20 | 30 |
| Perubatan | 10 | 15 | 20 | 35 |
| Pakaian | 20 | 25 | 35 | 45 |
| Lain-Lain Perbelanjaan | 15 | 20 | 25 | 30 |
| JUMLAH | 85 | 125 | 165 | 230 |

Sumber: Dari Tempat Pengkajian

(b) Perbelanjaan Terhadap Barang Mewah

Responden seringkali mengatakan mereka sama sekali tidak mengharapkan untuk berbelanja semata-mata kerana barang mewah. Cukuplah dengan apa yang ada sekarang ini. Pada responden, barangan keperluan asas adalah lebih penting daripada barangan mewah yang hanya berfaedah dan bernilai di muka bumi ini. Yang utama ialah makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal, bukannya barang kemas dan kereta besar. Bagaimanakah untuk mendapatkan barangan mewah sedangkan untuk mendapatkan barangan asas pun terpaksa menghadapi pelbagai masalah.

3. Pola Simpanan Responden

Di dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan mengenai tujuan simpanan dan bentuk simpanan di kalangan responden. Pada kebiasaannya, seseorang itu akan menyimpan apabila terdapatnya lebihan pendapatan. Lebihan pendapatan dapatlah dimaksudkan sebagai wang yang masih ada setelah ditolak semua perbelanjaan asas. Dalam konteks nelayan, seperti mana yang dikatakan oleh Syed Husin Ali[47] lebihan pendapatan terdapat terutamanya di kalangan nelayan senang dan nelayan sederhana, tidak di kalangan nelayan susah. Mengapa ini terjadi? Pada pendapat pengkaji, nelayan susah (seperti mana yang ditakrifkan sebagai nelayan yang tidak mempunyai alat dan terpaksa ambil upah atau kalau ada alat pun terlalu kecil dan dikerjakan

---

[47] Syed Husin Ali, Apa Erti Pembangunan, DBP, KL, 1979.

seorang diri) maka sudah pastilah jumlah lebihan pendapatannya tidak besar bahkan kadangkala,tiada langsung lebihan tersebut. Walaupun kadangkala oleh sebab tiadanya kesedaran mengenai faedah simpanan untuk masa depan maka lebihan pendapatan ini akan dibelanjakan ke arah yang tidak berfaedah. Misalnya, berjudi, habiskan wang di kedai kopi dan berbelanja untuk tujuan mencari hiburan.

(a) <u>Tujuan Simpanan</u>

Kebanyakan responden yang ditemui mempunyai pandangan yang berbeza-beza mengenai tujuan sebenar mereka menyimpan wang. Namun yang pasti, hasrat untuk memperbaiki apa yang dialami sekarang ini tetap ada. Mereka sedar tentang pentingnya menyimpan wang, terutama untuk persediaan masa depan di waktu kesempitan. Contohnya, sewaktu ditimpa kemalangan, kesusahan kematian dan sebagainya. Responden akan menyimpan jikalau terdapat lebihan pendapatan. Walaupun kesedaran untuk menyimpan sentiasa menebal di hati mereka tetapi keadaan pendapatan yang dialami sekarang ini tidak mengizinkan berbuat demikian. Tambahan pula apabila jumlah perbelanjaan melebihi jumlah pendapatan yang diperolehi.

Jadual 4.7: Tujuan Simpanan Di Kalangan Responden

| Tujuan Simpanan | Bil. Nelayan | Peratus |
|---|---|---|
| Dapatkan Tanah | 11 | 22 |
| Perbelanjaan Sekolah Anak-Anak | 19 | 38 |
| Menamban Modal | 12 | 24 |
| Keperluan Semasa | 8 | 16 |
| JUMLAH | 50 | 100 |

Sumber: Dari Tempat Pengkajian

(i) Dapatkan Tanah

Responden menyimpan wang kerana bertujuan untuk membeli tanah. Boleh dikatakan kesemua responden yang ditemui mengakui tidak mempunyai walau sebidang tanah sekalipun sama ada tanah untuk tapak rumah mahupun untuk diusahakan sebagai tanah pertanian. Ini kerana rumah yang diduduki selama ini adalah didirikan di atas tanah milik ladang. Bahkan sebahagian rumah responden dibina di atas laut dan sebahagian lagi di atas tanah daratan ataupun di tebing-tebing sungai. (Pengkaji akan membincangkan dengan lebih lanjut lagi di dalam bahagian D nanti). Menurut Syed Husin Ali,[48] terdapat tiga golongan yang selalunya berjaya mengumpul tanah di kawasan luar bandar iaitu:

(a) Mereka yang dapat menolong, sungguhpun punca pendapatan mereka terbatas.

[48] Syed Husin Ali, 'Penumpuan Milik Tanah dan Kemiskinan Di Kalangan Melayu Luar Bandar' dalam Apa Erti Pembangunan, DBP, KL, 1979.

(b) Mereka yang mempunyai sumber-sumber pendapatan yang lebih sebab mereka mewarisi atau memiliki banyak tanah.

(c) Mereka yang berniaga, misalnya sebagai pekedai, atau berkhidmat dengan kerajaan seperti guru.

Pada umumnya, yang lebih kaya di antara mereka inilah yang lebih mampu dan cepat untuk menimbun tanah. Dalam kajian kes, keinginan responden untuk memiliki tanah sebagai hakmilik sendiri amat-amat diingini.

(ii) Perbelanjaan Sekolah Anak-Anak

Responden juga menyimpan wang bertujuan untuk perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka seperti membeli buku dan alat-alat tulis. Ini kerana mereka sedar dan tidak mahu anak-anak mereka berkeadaan dan mengalami apa yang telah mereka alami selama ini. Seboleh-bolehnya biarlah nasib anak-anak mereka lebih cemerlang daripada keadaan sekarang. Ini seperti yang dikatakan oleh Dr. Nordin Selat[49] bahawa kajian pendidikan dan persekolahan dalam sesuatu masyarakat adalah perlu untuk memahami ciri-ciri dan kualiti penduduk. Pelajaran merupakan saluran utama yang mengizinkan berlakunya mobiliti dalam masyarakat.

Tingkat pencapaian pendidikan seseorang ibubapa juga akan memberikan pengaruh yang besar terhadap pendidikan dan

---

[49] Dr. Nordin Selat, Renungan, Utusan Printcorp Sdn. Bhd., K.L, 1978, m.s. 7.

persekolahan anak-anak mereka. Ia bukan sahaja menunjukkan berlakunya kemasukan idea-idea, fikiran, nilai serta sikap baru dalam masyarakat tetapi akan juga menjadi satu saluran yang merapatkan perhubungan antara golongan ibubapa dengan anak-anak. Dari kajian kes, pengkaji mendapati rata-rata responden dan isteri masing-masing hanya mendapat pendidikan setakat sekolah rendah sahaja. Ada juga responden yang tidak bersekolah. Jadual di bawah menunjukkan tingkat persekolahan responden.

Jadual 4.8: Tingkat Persekolahan Responden Mengikut Jenis Sekolah

| Jenis/Tingkat Persekolahan | Bil. Responden | Peratus |
|---|---|---|
| Sekolah Rendah Melayu | | |
| Darjah 1 | 2 | 4 |
| Darjah 2 | 1 | 2 |
| Darjah 3 | 2 | 4 |
| Darjah 4 | 3 | 6 |
| Darjah 5 | 7 | 14 |
| Darjah 6 | 18 | 36 |
| Pelajaran Agama/Pondok | 2 | 4 |
| Tidak Bersekolah | 15 | 30 |
| JUMLAH | 50 | 100 |

Sumber: Dari Tempat Kajian Kes

(iii) Menambah Modal

Simpanan juga dibuat bertujuan untuk menambah modal. Misalnya untuk mendapatkan enjin bot, pukat dan pelbagai

kelengkapan aktiviti perikanan yang lebih baik dan moden, memerlukan perbelanjaan dan modal yang banyak. Dengan menyimpan sewaktu ada lebihan pendapatan, responden percaya ianya akan dapat menambah jumlah simpanan untuk dijadikan modal. Pepatah ada mengatakan 'simpan sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit'.

(iv) Keperluan Semasa

Responden juga menyimpan wang bertujuan untuk keperluan semasa. Misalnya soal kesusahan dan kesempitan di masa depan tiada siapa yang dapat menjangkakan. Misalnya apabila ditimpa kemalangan, wang amat-amat diperlukan di masa itu. Begitulah juga apabila hendak mendapatkan keperluan ataupun barangan asas seperti membeli makanan, pakaian, ubatan mahupun perbelanjaan runcit yang lain.

Jadual 4.9: Jumlah Wang Simpanan Responden

| Jumlah Simpanan ($) | Bil. Nelayan |
|---|---|
| Kurang daripada 100 | 10 |
| 100 - 200 | 2* |
| Tiada simpanan | 38 |
| JUMLAH | 50 |

Sumber: Kajian Kes

Catitan: *Responden yang mengusahakan kedai, peraih dan juga mempunyai sumber pendapatan sampingan selain dari menangkap ikan.

(b) Bentuk Simpanan

Dari jadual yang ditunjukkan di atas, adalah jelas terdapat seramai 38 responden yang tidak mempunyai simpanan dan seramai 10 responden yang mempunyai simpanan kurang dari $100. Seperti mana yang telah pengkaji nyatakan terdahulu, niat untuk menyimpan sentiasa ada di hati responden, tetapi ianya sentiasa pula dibatasi oleh jumlah pendapatan yang diterimanya.

Pada pandangan pengkaji, disebabkan masalah pendapatan yang tidak seimbang dengan jumlah perbelanjaan, maka jumlah simpanan tidak dapat ditambahkan dari masa ke semasa. Bahkan kerapkali simpanan terpaksa dikeluarkan tanpa usaha-usaha untuk menambahkannya kembali.

Kebiasaannya, responden akan menyimpan dalam bentuk wang tunai di bank-bank. Misalnya, responden lebih suka menyimpan di Bank Simpanan Nasional.[50] Untuk menyimpan ataupun mengeluar wang, responden terpaksa ke Kuala Kurau ataupun ke Bagan Serai. Disebabkan jarak yang begitu jauh, maka responden lebih suka menyimpan wang tunai di rumah sahaja. Keburukannya ialah, apabila wang tunai berada di dalam genggaman sendiri, maka mudahlah pula untuk responden menghabiskannya.

---

[50] Ini kerana cawangan Bank Simpanan Nasional terletak di semua Pejabat Pos. Ini memudahkan responden untuk menyimpan ataupun mengeluarkan wang.

4.3 Masalah Kemudahan Asas dan Lain-Lain Masalah Yang Berkaitan

Di dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan mengenai masalah infrastruktur ataupun kemudahan asas di perkampungan kajian kes. Pengkaji juga akan menghubungkaitkan masalah tersebut dengan keadaan sosio-ekonomi yang sedang dialami oleh komuniti nelayan di perkampungan yang dikaji itu.

(a) Kediaman

Kebanyakan responden mempunyai rumah yang diperbuat daripada papan, manakala bumbungnya adalah daripada zink, atap nipah ataupun rumbia. Walaupun begitu kebanyakan responden menggunakan kayu bakau sebagai tiangnya. Ini kerana rumah tersebut dibina sebahagiannya di atas laut dan sebahagiannya lagi di atas tanah daratan ataupun di pinggir laut. Menurut responden, kayu bakau digunakan sebagai tiang rumah kerana ianya tahan lama di dalam air laut yang masin itu.

Jadual 4.10: Rumah Kediaman Responden

| Jenis | Papan | Atap Nipah/ Rumbia | Zink | Bakau |
|---|---|---|---|---|
| Lantai | 50 | - | - | - |
| Dinding | 49 | 1 | - | - |
| Tiang | - | - | - | 50 |
| Bumbung | - | 37 | 13 | - |

Sumber: Kajian Kes

Rumah responden juga menghadapi bahaya kemungkinan akan runtuh akibat hakisan. Akibat ombak yang memukul pantai maka tebing-tebing sungai akan runtuh sedikit demi sedikit. Inilah yang merunsingkan kebanyakan responden. Alunan ombak juga terjadi apabila adanya bot melalui kawasan di sekitar rumah responden dengan laju dan ini juga akan mengakibatkan wujudnya hakisan.

Rumah responden yang tidak sekukuh itu juga menghadapi bahaya kemungkinan akan runtuh apabila berlakunya tiupan angin yang kencang. Ada 2 kemungkinan yang akan terjadi. Pertama, jikalau angin itu datangnya dari arah laut maka rumah tersebut berkemungkinan akan runtuh di tanah daratan. Tetapi jikalau angin tersebut datangnya dari arah daratan maka sudah pastilah rumah tersebut akan terus runtuh ke dalam laut. Inilah bahaya yang paling ditakuti oleh responden.

Oleh sebab kedudukan sebahagian rumah responden berada di dalam laut, kejadian air laut pasang juga turut mendatangkan bahaya. Air pasang yang kuat akan menenggelamkan lantai rumah. Ianya akan berlaku sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut dan ianya juga akan menyebabkan ular, buaya, biawak, lipan dan serangga yang bahaya memasuki rumah responden. Pernah terjadi, seorang anak responden dipatuk ular tedung yang berada di dalam rumah ketika air pasang.

Dengan ertikata yang lain, jelas menunjukkan responden amat-amat memerlukan tapak penempatan yang baru. Ini supaya

masalah sentiasa berada di dalam ketakutan selama ini dapat dilenyapkan.

(b) Bekalan Air Paip

Air yang dikatakan bersih dari paip adalah penting untuk kegunaan sehari-hari sama ada untuk dijadikan minuman, memasak ataupun membasuh. Inilah masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di perkampungan ini. Air bukan sahaja mengalir dengan perlahan-lahan tetapi juga kadangkala ianya tidak mengalir langsung. Ini berkemungkinan kerana tekanan yang rendah. Terdapat juga nelayan-nelayan di perkampungan nelayan (Cina) yang berdekatan menggunakan janakuasa sendiri untuk mengepam air yang mengalir melalui paip tersebut ke rumah masing-masing. Akibatnya, bekalan air yang mengalir semakin berkurangan sebelum ianya tiba ke perkampungan yang dikaji. Tambahan pula tidak terdapat punca air bersih selain daripada air paip kerana air sungai, telaga ataupun air perigi yang masin dan tercemar itu sudah pastilah tidak sesuai untuk diminum, memasak dan digunakan untuk membasuh.

(c) Bekalan Elektrik

Bekalan elektrik di perkampungan nelayan adalah didapati melalui janakuasa. Walaupun begitu tidak semua responden mampu menyalurkan bekalan elektrik daripada janakuasa itu. Menurut tuan punya janakuasa itu, ia mengenakan bayaran $10.00 sebulan sebagai kos penyelenggaraan. Janakuasa tersebut akan mula berfungsi dari pukul 7.00 malam hinggalah ke pukul 12.00 tengah

malam. Walaupun begitu jikalau ada majlis keramaian dan terdapatnya siaran televisyen yang menarik, masanya akan dilanjutkan. Daripada tinjauan pengkaji, hanya terdapat 8 buah rumah sahaja yang disalurkan bekalan elektrik daripada janakuasa itu.

Selain daripada itu bekalan elektrik ataupun kuasa juga didapati dengan menggunakan bateri. Misalnya, ia digunakan untuk menghidupkan lampu kalimantang dan televisyen. Ada juga responden yang masih menggunakan pelita minyak tanah pada waktu malam.

(d) Kesihatan

Terdapat sebuah klinik kerajaan (Perbidanan) yang menjalankan perkhidmatan untuk penduduk-penduduk di Kuala Gula. Walaupun begitu penduduk masih boleh mendapatkan rawatan ataupun nasihat awal daripada jururawat yang bertugas. Responden juga boleh mendapatkan rawatan di klinik kerajaan di Gunung Semanggol (jaraknya 15 km) dan di Kuala Kurau (13 km). Disebabkan jarak yang jauh, hanya kecederaan ataupun penyakit tertentu sahaja yang menyebabkan responden mendapatkan rawatan di klinik-klinik kerajaan. Untuk rawatan awal, responden lebih gemar mendapatkan bekalan ubat biasa daripada kedai-kedai runcit yang berdekatan ataupun rawatan secara tradisional melalui dukun, bomoh ataupun pawang.

Responden terpaksa menggunakan perkhidmatan kenderaan persendirian untuk membawa pesakit ke klinik di luar dari Kuala Gula. Ini kerana ambulan Kementerian Kesihatan tidak ditempatkan di Kuala Gula. Masalah perhubungan pula menyebabkan ambulan dari luar tidak dapat dihantar ke perkampungan tersebut.

Kesedaran tentang kesihatan juga masih berkurangan di kalangan responden. Daripada pemerhatian pengkaji, sampah sarap dibuang merata-rata. Begitulah juga pembuangan air besar, dilakukan terutamanya ke dalam sungai ataupun hutan yang berdekatan. Tidak ada sistem tandas yang sempurna di perkampungan ini. Ini mungkin kerana keadaan rumah responden yang sebahagiannya berada di atas sungai itu memudahkan pembuangan sampah sarap dan air besar terus ke dalam sungai itu.

(e) Perhubungan

Terdapat dua bentuk perhubungan yang boleh digunakan untuk sampai ke tempat kajian kes sama ada menggunakan jalan darat seperti jalanraya ataupun menggunakan jalan air seperti sungai.

Jikalau menggunakan jalanraya (sebahagiannya tidak bertar), terdapat perkhidmatan bas dan kereta persendirian disediakan. Daripada Kuala Kurau, seseorang itu terpaksa menggunakan perkhidmatan feri untuk menyeberang sungai (hampir $\frac{1}{2}$ km) sebelum meneruskan perjalanan dengan menggunakan perkhidmatan pengangkutan yang disediakan itu. Walaupun begitu, perhubungan

melalui jalanraya kerapkali terputus jikalau air pasang kerana sebahagian jalanraya akan ditenggelami air laut dan hanya boleh dilalui oleh kenderaan berat sahaja. Perkhidmatan bas atau kenderaan persendirian yang lain tidak mengikut jadual yang ditetapkan.

Seseorang itu juga boleh menggunakan perahu atau bot dengan mudik sungai ataupun melalui tepi pantai untuk keluar ataupun ke Kuala Gula. Walaupun begitu, keadaan laut yang bergelora akan mendatangkan bahaya kepada mereka yang menggunakan jalan sungai itu.

Di tempat kajian kes, tidak terdapat perkhidmatan telefon awam. Yang ada hanyalah disediakan di perkampungan nelayan (Cina) yang berdekatan itu. Walaupun begitu, perkhidmatan pos bergerak disediakan untuk penduduk Kuala Gula iaitu sekali dalam masa seminggu. Ada juga responden yang meminta jasa baik posmen yang datang menghantar surat ke perkampungan itu untuk menolong poskan surat dan sebagainya.

## 4.4 Kesimpulan

Adalah jelas menunjukkan bahawa kawasan kajian kes, yakni Kampung Nelayan Kuala Gula masih lagi ketinggalan dari segi kemudahan asasnya. Sesuatu langkah yang tegas haruslah diambil oleh semua pihak untuk mengatasi masalah itu. Para penduduk harus juga menyedari bahawa untuk mencapai kejayaan bukanlah semata-mata mengharapkan bantuan kerajaan. Mereka juga

haruslah mengubah sikap dengan menanamkan cita-cita tinggi untuk memperbaiki keadaan yang sedang dialami sekarang ini. Bahkan bagi orang Melayu, yang mengaku beragama Islam seharusnya merenungi dan memahami bahawa Tuhan tidak akan mengubah nasib seseorang itu melainkan ianya berusaha mengubah nasibnya sendiri. Bahkan, masalah komuniti itu adalah berkaitrapat antara satu sama lain, misalnya masalah kekurangan pendapatan akan mendatangkan kesan kepada tingkat perbelanjaan dan simpanan. Malah kekurangan simpanan akan menyebabkan mereka kekurangan modal pula.

Ian R. Smith di dalam bukunya 'A Research Framework For Traditional Fisheries'[50] telah menyenaraikan 5 faktor penting yang menyebabkan taraf hidup yang rendah di kalangan komuniti yang dikaji, antaranya:

i) Sumber laut yang terhad

ii) Kekurangan hakmilik

iii) Kekurangan peluang pekerjaan

iv) Kekurangan kuasa pasaran

v) Inflasi

Dengan ertikata yang lain, masalah nelayan tradisional dapatlah digolongkan kepada 3 aspek iaitu biologikal, teknologikal dan sosio-ekonomi. Di dalam aspek biologikal ianya meliputi seperti kualiti sumber laut, pembiakan, pencemaran sumber laut,

---

[50] Ian R. Smith, <u>A Research Gramework For Traditional Fisheries</u>, The International Center for Living Aquatic Resources Management Manila, Philippines, 1979.

penangkapan berlebihan dan sebagainya. Aspek teknologikal adalah meliputi cara ataupun kaedah penangkapan ikan yang kurang cekap seperti penggunaan alat-alat tradisional, kaedah baru dengan teknologi yang baru harus diperkenalkan. Manakala aspek sosio-ekonomi pula meliputi masalah kemiskinan, penindasan, pemasaran, dan infrastruktur. Ini bertepatan dengan konsep pertumbuhan ekonomi merupakan satu-satunya faktor penting yang menentukan perubahan sosial manakala perubahan ataupun perkembangan sosial itu pula juga sebagai syarat utama di dalam menentukan perkembangan ekonomi.

Rajah 4.10: <u>Masalah Empirikal Nelayan Tradisional</u>




Sumber: Ian R. Smith, 'A Research Framework For Traditional Fisheries'

Menurut Ian R. Smith, ketiga-tiga aspek di atas haruslah diambilkira dalam penggubalan dasar strategi pembangunan supaya masalah itu dapat dikurangkan, kalau tidak diselesaikan ataupun dihapuskan hingga ke akar umbinya.

Pada pandangan pengkaji, terdapat dua cara untuk menyelesaikan masalah taraf hidup yang rendah dan lain-lain masalah yang berkaitan di kalangan nelayan tradisional. Misalnya berdasarkan kajian kes untuk mengatasi masalah-masalah yang telah pengkaji nyatakan tadi, perlulah diteruskan penglibatan mereka dalam sektor perikanan dengan diperkenalkan alat-alat kelengkapan, bot baru, teknologi menangkap ikan yang lebih moden. Ini supaya mereka akan mendapat pulangan yang maksima daripada apa yang sedang dialami sekarang ini. Ataupun mereka menarik diri dari melibatkan di dalam sektor perikanan dan berusaha mencari pekerjaan yang lebih baik di sektor lain supaya masa depan mereka akan lebih terjamin. Secara rajah, dapatlah digambarkan seperti dalam Rajah 4.11.

Dengan ertikata yang lain terdapat dua kaedah utama di dalam mengwujudkan pembangunan di kalangan masyarakat nelayan. Misalnya ciri-ciri pembangunan yang bertujuan untuk meninggikan taraf hidup nelayan haruslah dibawa masuk ke dalam komuniti itu.[51] Ataupun mengwujudkan ciri-ciri pembangunan di luar dari komuniti tersebut dan membawa mereka berpindah daripada tempat asal mereka ke tempat yang baru diwujudkan itu.

---

[51] Ianya juga kadangkala dikenali sebagai 'pembangunan insitu'.

Rajah 4.11: Penyelesaian Masalah Empirikal Nelayan Tradisional




Sumber: Tempat Pengkajian Kes (Dengan Berdasarkan Ian R. Smith, A Research Framework For Traditional Fisheries, Philippines, 1979)



Gambar 1: Perkampungan Nelayan Kuala Gula, Kuala Kurau
Perak DarulRedzuan
(Pandangan Daripada Laut)



Gambar 2: Menunjukkan Sebahagian Rumah Responden Yang Dibina
Di Pinggir Laut. Kelihatan Juga Perahu Enjin Sangkut
Yang Digunakan Oleh Nelayan
Gambar Yang Bertanda 'X' Ialah Tandas Nelayan



Gambar 3: Pandangan Hadapan Salah Sebuah Rumah Responden Di Tempat Pengkajian Kes



Gambar 4: Sebahagian Daripada Jalan Di Perkampungan Itu



Gambar 5: Menunjukkan Tiang Rumah Yang Dibuat Daripada Bakau Dan Sampah Sarap Dibuang Merata-rata. Air Yang Bertakung Juga Menyebabkan Nyamuk Mudah Membiak



Gambar 6: Bilik Air Yang Digunakan Oleh Nelayan



Gambar 7: Pukat Ketam Yang Digunakan Untuk Memukat Ketam



Gambar 8: Salah Satu Daripada 'Generator' Yang Terdapat Di Tempat Kajian Kes



Gambar 9: Surau dan Di Bahagian Bawahnya Dijadikan Sebagai Sekolah Tadika (Pada Sebelah Petang)



Gambar 10: Klinik Desa Kuala Gula

BAB V

RUMUSAN DAN PENUTUP

Dalam bab terakhir ini, pengkaji akan menjelaskan dan membuat ulasan dan rumusan mengenai kajian yang telah dijalankan itu. Sebagai pendahuluan, pengkaji akan menghuraikan mengenai program pembangunan yang telah dan akan dilaksanakan demi kemajuan dan pembangunan nelayan di negara ini. Selain daripada itu, pengkaji juga akan menghuraikan peranan beberapa agensi kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan tertentu yang bertanggungjawab di dalam hal ini.

5.1 <u>Dasar Pertanian Negara</u>

Sejak akhir-akhir ini, terutamanya di tahun-tahun 70an, sektor pertanian telah mengalami kemerosotan jika dibandingkan dengan sektor ekonomi yang lain. Ini berkait rapat dengan soal dualisme di dalam sektor tersebut. Misalnya terdapat sektor kecil dalam pertanian yang cekap dan tersusun dan di satu pihak yang lain terdapat sektor kecil yang kurang cekap dan tidak tersusun.

Perkara utama di dalam dualisme ialah munculnya perbezaan yang jelas dari segi tingkat kecekapan, proeuktiviti dan daya persaingan. Ia akan mengwujudkan jurang perbezaan di dalam pendapatan. Ia juga menyebabkan kemiskinan yang tinggi di dalangan petani dan nelayan-nelayan kecil. Mengapakah ini terjadi? Antaranya adalah seperti terdapatnya tanah milik

pertanian yang ditinggalkan dan tidak diusahakan sepenuhnya, kekurangan tenaga buruh, kekurangan peluang untuk mendapatkan bantuan ataupun khidmat sokongan, kaedah pengeluaran tradisional dan pengurusan yang rendah.

Dasar Pertanian Negara (DPN) mempunyai tema utamanya iaitu untuk memoden dan mempergiatkan semula sektor pertanian, agar pendapatan daripada kegiatan pertanian dapat dipertingkatkan ke paras yang maksimum. Ini boleh dilakukan melalui penggunaan sumber-sumber secara cekap dan mempertingkatkan semula sumbangan sektor ini kepada pembangunan ekonomi. Peningkatan pendapatan ke paras maksimum ditakrif sebagai peningkatan pendapatan pekebun, penternak, petani dan nelayan ke paras maksimum yang merangkumi aspek-aspek pengagihan dan pertumbuhan ekonomi.[52]

Di bawah DPN, kaedah moden dalam mengusahakan sumber-sumber perikanan dengan menggalakkan penangkapan ikan laut dalam dan pembangunan ternakan akan dipertingkatkan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Ini supaya permintaan harian ikan akan dapat dipenuhi.

Strategi pembangunan sektor pertanian di masa hadapan akan diselaraskan sejajar dengan hasrat kerajaan iaitu untuk menggalakkan pihak swasta berkecimpung dengan lebih giat lagi di dalam industri perikanan. Pihak swasta yang dimaksudkan di sini merangkumi persatuan-persatuan nelayan, nelayan individu

---

[52] Laporan Rancangan Malaysia Kelima, m.s. 333.

dan pengusaha-pengusaha perikanan lainnya. Insentif-insentif yang akan mendorong kepada pembangunan industri perikanan terutamanya di dalam penerokaan laut dalam akan dipertingkatkan.[53]

Program-program pembangunan sektor perikanan akan digubal supaya seimbang dengan cadangan supaya nelayan berlebihan yakni seramai 30,000 orang di Semenanjung Malaysia dipindahkan ataupun diterapkan ke dalam sektor yang lain. Ini supaya sektor perikanan yang sedia ada itu akan dapat dimodenkan dan menjadi lebih efisyen.[54] Jadual di bawah ini menunjukkan pengeluaran pertanian (perikanan) dari tahun 1980 - 1985.

Jadual 5.1: Pengeluaran Pertanian 1980 - 1985
('000 tan metrik)

| | 1980 | 1981 | 1982 | 1983 | 1984 | 1985 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Perikanan* | 743.7 | 766.6 | 693.6 | 742.1 | 670.2 | 697.1 |
| | Perubahan peratusan dari tahun 1980 - 1985 ialah - 6.3 | | | | | |

Sumber: Dari Buku Rancangan Malaysia Kelima (m.s. 338)

Catitan: *Jumlah keluaran perikanan termasuk ternakair telah merosot daripada 743,000 tan metrik pada tahun 1980 kepada 697,100 tan metrik pada tahun 1985. Dalam tempoh yang sama, pengeluaran perikanan laut termasuk kerang dan siput telah berkurangan daripada 732,800 tan metrik kepada 689,100 tan metrik disebabkan oleh sumber perikanan yang berkurangan terutamanya di pesisiran pantai Semenanjung Malaysia. Pertambahan pengeluaran ternakair daripada 10,900 tan metrik pada tahun 1980 kepada 17,900 tan metrik pada tahun 1985, pengeluarannya telah merosot kepada 8000 tan metrik. Pertambahan dalam tempoh 1980-1983 ini adalah disebabkan oleh pembinaan 179 kolam ikan dan pemberian 4,400 sangkar untuk ternak ikan dalam sangkar oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Kejatuhan pengeluaran dalam tempoh yang berikutnya adalah disebabkan sebahagian kelemahan sistem pemasaran ikan air tawar yang mengakibatkan banyak kolam ikan tidak diusahakan.

[53] Ibid., m.s. 334.

[54] Vision LKIM, dikeluarkan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Kuala Lumpur, m.s. 2.

## 5.2 Skim Subsidi Nelayan

Kebanyakan nelayan di Malaysia kekurangan modal untuk membeli alat-alat kelengkapan perikanan. Di dalam hal ini, skim subsidi kepada nelayan telah diperkenalkan bertujuan untuk meninggikan tingkat pendapatan, taraf hidup dan keadaan sosio-ekonomi nelayan di negara ini.

Antara jenis subsidi yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan adalah seperti:-

(i) Subsidi enjin (dari 4 - 40 kuasa kuda)

(ii) Subsidi pukat dan pembinaan bot

Walaupun begitu, terdapat pula beberapa kriteria tertentu yang ditetapkan untuk seseorang nelayan itu mendapat bantuan di bawah Skim Subsidi Nelayan ini, antaranya:-

(i) Nelayan tulin menangkap ikan sebagai pekerjaan tetapnya (ditetapkan tidak kurang 90 hari dalam setahun).

(ii) Semestinyalah ahli mana-mana Persatuan Nelayan Kawasan. Jikalau ianya bukan ahli permohonannya akan turut dipertimbangkan.

(iii) Hanya menerima sejenis bantuan dalam masa sekali sahaja.

## 5.3 Persatuan-Persatuan Nelayan

Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) ditubuhkan mengikut Akta 44 (Akta Persatuan Nelayan 1971), Akta A103 Akta Persatuan Nelayan (Pindaan 1972) dan Akta A261, Akta Persatuan Nelayan dan LKIM (Pindaan 1974).

Mengikut Akta ini, penubuhannya adalah bertujuan untuk memajukan kepentingan ekonomi dan kesentosaan ahli-ahli nelayan dengan jalan yang mereka ambil untuk mencapai tujuan.

(i) Mengurus dan mengendalikan rancangan bantuan kewangan untuk mengadakan sumber kredit dan modal bagi ahli.

(ii) Memajukan pelajaran dan latihan bagi ahli-ahli termasuk pengedaran maklumat mengenai perkara yang mungkin menarik perhatian ahli.

(iii) Mengatur pameran, pasaria dan pertunjukan.

(iv) Mengatur usaha menangkap ikan atau memelihara hidup-hidupan dalam air, mengumpul, memproses, membahagi-bahagi dan melupas benda-benda keluaran ahli.

(v) Mengadakan didikan kanak-kanak, pertubuhan jimat-cermat, insuran, bantuan bersama dan lain-lain rancangan kebajikan.

(vi) Membantu di dalam penyiasatan dan pengumpulan perangkaan mengenai perusahaan menangkap ikan.

(vii) Menjadi orang tengah dalam pertikaian yang berbangkit dalam aktiviti menangkap ikan dalam mana seseorang atau beberapa ahli terlibat.

(viii) Mengatur penyertaan ahli dalam apa-apa rancangan pemeliharaan yang diarahkan oleh Ketua Pengarah Perikanan.

Dari kajian kes, pengkaji mendapati terdapat seramai 37 nelayan Melayu daripada 392 jumlah nelayan di Kuala Gula yang menjadi ahli Persatuan Nelayan Kawasan Kerian. Majoritinya pula digolongkan sebagai 11(i)(A) dan cuma seorang sahaja dikategori sebagai 11(i)(B). (Pengkaji akan menyelesaikannya kemudian).

Dengan menyertai ataupun menjadi ahli Persatuan Nelayan, mereka akan dapat bersama-sama berbincang mengenai langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi sebarang masalah yang timbul di kalangan mereka. Bahkan ia juga akan dapat membentuk semangat bekerjasama di kalangan ahli, misalnya Persatuan Nelayan telah menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi bagi membuka peluang pekerjaan kepada ahli-ahlinya seperti membuka kedai keropok, membuat bebola ikan, pembekalan air batu, minyak diesel, pukat, kedai koperasi dan menggunakan modal ahli untuk dilaburkan demi kepentingan ahli di dalam persatuan itu.

Untuk tujuan tersebut, di setiap Persatuan Nelayan terdapatnya Ahli Jawatankuasa Persatuan Nelayan (AJKPN) yang diketuai oleh Pengerusi (yang dilantik di dalam Mesyuarat Agung sekali setahun), telah diberi tanggungjawab ataupun mandat untuk membincangkan sebarang program ataupun masalah yang timbul di dalam setiap mesyuarat bulanan.

Mengikut Akta 44 (Akta Persatuan Nelayan 1971) Seksyen 11(i), antara lain telah menyatakan:

> Seseorang yang bermastautin di dalam kawasan kegiatan sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan dan yang telah mencapai umur 18 tahun adalah layak menjadi seorang ahli Persatuan Nelayan Kawasan jika ia termasuk di bawah mana-mana daripada kategori yang berikut ini.[55]

(a) Mana-mana orang yang bekerja menangkap ikan, mengutip atau memelihara hidup-hidupan di dalam air selama tempoh sekurang-kurangnya sembilan puluh hari dalam setahun.

(b) Mana-mana orang yang bekerja sebagai memproses, mengendali atau berniaga ikan, dan

(c) Mana-mana orang yang mendapat 60% atau daripada jumlah pendapatannya dari bekerja dalam perusahaan menangkap ikan.

---

[55] Keahlian nelayan akan dikategorikan mengikut Seksyen 11 ini, mengikut Akta 44 (Akta Persatuan Nelayan 1971).

## 5.4 Jabatan Perikanan

Jabatan Perikanan yang ditubuhkan oleh kerajaan dan diletakkan di bawah Kementerian Pertanian mempunyai fungsinya yang tertentu. Misalnya seperti memaju sektor perikanan agar hasil pengeluaran akan menjadi lebih maksima, memoden industri perikanan, menggalakkan peluang pekerjaan, meninggikan taraf sosio-ekonomi nelayan serta menyusun mahupun menyatukan masyarakat nelayan. Jabatan Perikanan juga mempunyai beberapa bahagian yang tertentu. Misalnya Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Pengembangan dan Latihan dan Bahagian Ternakan Ternakair. Setiap bahagian mempunyai fungsi ataupun tugasnya yang tertentu pula.

Jabatan Perikanan akan menyelaraskan beberapa program latihan dan pengembangannya untuk memudahkan pemindahan nelayan yang berlebihan kepada kegiatan ekonomi yang lain serta untuk mengatasi masalah sumber perikanan yang semakin berkurangan. Oleh yang demikian, latihan akan terus ditumpukan kepada ternakair dan perikanan laut dalam.[56]

Secara ringkas dapatlah digambarkan dasar-dasar ataupun strategi-strategi di dalam pembangunan perikanan melalui rajah berikut (Rajah 5.1).

---

[56] Rancangan Malaysia Kelima.

Rajah 5.1: Pembangunan Perikanan: Ringkasan Dasar/Strategi




Sumber: Bahagian Perancang dan Pembangunan Kementerian Pertanian Malaysia

A. <u>Meninggikan Hasil Penangkapan</u>

- Mengawal sumber laut
- Memperbaiki alat penangkapan/teknologi
- Membina infrastruktur
- Latihan/Penyelidikan/Melatih tenaga mahir
- Program institusi sosio-ekonomi
- Memperbaiki kecekapan unit-unit penangkapan sekarang
- Memperkenalkan alat yang moden
- Mencari kawasan penangkapan baru/dekat/jauh
- Menggalakkan pelaburan modal dari pihak swasta
- Menubuhkan persatuan
- Menggalakkan penglibatan pengusaha swasta
    - Dasar perlesenan yang positif
    - Perangsang/Subsidi
    - Pembantu teknikal
- Membangunkan Koperasi Nelayan
    - Subsidi
    - Pinjaman
    - Bantuan teknikal

B. <u>Mengurangkan Kerosakan</u>

- Memperbaiki sistem pengangkutan
- Pengawetan (dibekukan/ditinkan)
- Kawalan mutu

C. Mengatur Import

- Atur proses import
- Cari sumber ikan yang baru
- Melantik agen import yang cekap
- Wujud penawaran yang baik di negara pengeksport
- Wujud kemudahan untuk aktiviti mengimport

D. Mengubah Permintaan

- Memperkenalkan sumber laut yang baru
- Mencari pasaran untuk ikan-ikan yang dibekukan ataupun dikeringkan
- Menggalakkan permintaan tempatan untuk ikan-ikan yang segar

E. Kawalan Eksport

- Pemilihan jenis dan mutu ikan untuk dieksport
- Peraturan eksport yang positif
- Menggunakan eksport sebagai penggalak pada penawaran ikan tempatan
- Menggunakan eksport sebagai jalan keluar pada ikan yang tidak popular pada masyarakat tempatan

5.5 Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) ditubuhkan di Malaysia pada lhb. November 1971, di bawah Akta 49, Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971. Matlamat utama penubuhannya ialah:

(i) Memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi nelayan

(ii) Memperkembang dan memajukan perusahaan perikanan

Manakala mengikut Seksyen 4, Akta LKIM 1971, tugas-tugas LKIM pula adalah seperti berikut:

(i) Mendaftar, mengawal dan menyelia Persatuan-Persatuan Nelayan dan mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara berhubung dengannya.

(ii) Menggalak, menggiat, memudah dan mengusahakan kemajuan sosio-ekonomi dan Persatuan-Persatuan Nelayan.

(iii) Mengambil bahagian di dalam enterprais-enterprais perikanan dan bagi maksud itu mengambil bahagian dalam pembinaan bot dan pengeluaran pembekalan dan kelengkapan menangkap ikan.

(iv) Mengadakan dan menyelia kemudahan-kemudahan kredit bagi pengeluaran ikan dan mempastikan supaya kemudahan-kemudahan ini digunakan sepenuhnya.

(v) Menggalak dan memajukan pengurusan yang cekap dan berkesan mengenai enterprais-enterprais perikanan dan pemasaran ikan.

(vi) Mengawal dan menyelaraskan perlaksanaan aktiviti-aktiviti yang di atas.

Demikianlah, beberapa program, jabatan mahupun agensi-agensi kerajaan yang terlibat di dalam hal-hal yang berkaitan dengan sosio-ekonomi nelayan di negara ini. Walaupun begitu, untuk membangunkan, mempertingkatkan ataupun memajukan sektor perikanan bukanlah terletak di tangan kerajaan semata-mata. Tanpa kerjasama semua pihak, terutama masyarakat nelayan di negara ini maka setiap rancangan itu sudah pasti tidak akan dapat mencapai matlamatnya. Bahkan, boleh dikatakan kesemua agensi, jabatan-jabatan kerajaan dan pihak swasta adalah terlibat bersama. Dengan ertikata yang lain kesemua kementerian, agensi kerajaan ataupun pihak-pihak swasta perlulah menggembelingkan tenaga di dalam mempertingkatkan dan memajukan sektor pertanian di negara ini.

5.6 <u>Pendekatan Pembangunan Nelayan</u>

(i) <u>Pembangunan Sosial</u>

Pembangunan masyarakat nelayan di negara ini haruslah meliputi dua aspek utama iaitu mengenai pembangunan sosial dan pembangunan institusi-institusi nelayan. Pembangunan sosial meliputi aspek-aspek seperti memberi kesedaran kepada nelayan tentang program-program pembangunan. Antaranya seperti soal-soal kepimpinan, kerohanian dan sebagainya. Begitulah juga dari segi pembangunan keluarga nelayan terutamanya dari segi pelajaran, kelas-kelas kesedaran, kelas bimbingan, tadika, tabung bantuan pelajaran dan penyediaan bahan-bahan bacaan.

Selain daripada itu, pembaikan dan penyediaan kemudahan fizikal seharusnyalah juga dipertingkatkan. Ianya bukan sahaja bertujuan menyedia ataupun melengkapkan kemudahan asas di setiap perkampungan nelayan tetapi juga sebagai asas kepada kemajuan industri perikanan di samping secara tidak langsung ia juga akan dapat memenuhi tujuan sosial/rekreasi, kesihatan agar kehidupan seharian menjadi lebih sempurna, selesa dan terjamin.

Kemajuan perlaksanaan projek-projek di bawah program galakan pembaikan dan penyediaan kemudahan fizikal adalah seperti mana yang ditunjukkan melalui jadual di bawah ini.

Jadual 5.2: Kemajuan Perlaksanaan Projek Galakan Pembaikan Dan Penyediaan Kemudahan Fizikal

| Kursus | Bilangan | Penerima Faedah |
|---|---|---|
| Bangsal Nelayan | 40 | 6,564 |
| Jeti Kecil | 76 | 8,678 |
| Jalan Kampung | 29 | 15,427 |
| Tandas Curah | 1821 | 8,423 |
| Balai Serbaguna | 19 | 5,456 |
| Bangsal Memproses | 3 | 670 |
| Madrasah | 15 | 4,088 |
| Perigi | 5 | 1,285 |
| Lain-Lain | 75 | 2,757 |

Sumber: Vision Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (m.s. 20)

Selain daripada itu LKIM juga sedang giat melaksanakan program galakan peningkatan kemahiran dan keusahawanan. Ini supaya nelayan/anak-anak nelayan akan dapat dilengkapi dengan kemahiran mahupun pengetahuan asas untuk mereka menceburi bidang ekonomi yang lain. Misalnya sektor pembuatan, perkilangan dan bidang perniagaan. Dengan langkah sebegini, ianya dapat sekurang-kurangnya menggalakkan penghijrahan nelayan yang kurang efisyen secara sukarela ke sektor yang lain. Misalnya LKIM telah mengadakan kursus-kursus seperti:

(i) Kursus Industri Kecil

(ii) Kursus Pertukangan

(iii) Kursus Kesedaran Berniaga, dan

(iv) Lawatan Sambil Belajar

(ii) <u>Pembangunan Institusi Nelayan</u>

Tumpuan utama pembangunan institusi nelayan adalah merangkumi sebanyak 113 buah institusi iaitu 61 Persatuan Nelayan (PN), 40 Syarikat Kerjasama Nelayan (SKN) dan 11 buah Persatuan Nelayan Negeri. Untuk menyelaraskan program-program ini maka Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) ditubuhkan sebagai induk kepada Persatuan-Persatuan Nelayan Kawasan dan Negeri.

Antara aktiviti atau projek-projek PN seperti pembekalan input diesel, air batu, pemasaran ikan. Sementara pembangunan sosial pula meliputi aspek pembelajaran anak/isi keluarga nelayan, peningkatan pengetahuan, tabung pelajaran dan khairat

kematian ataupun tabung-tabung kebajikan.

Sebanyak 246 projek ekonomi telah dilaksanakan oleh Persatuan Nelayan Kawasan. Ini seperti mana yang ditunjukkan melalui Jadual di bawah ini.

Jadual 5.3: Projek-Projek Ekonomi Persatuan Nelayan Kawasan

| Jenis Projek | Bil. Projek | Penerima Faedah |
|---|---|---|
| Bekalan Minyak | 75 | 7,023 |
| Pemasaran | 43 | 5,000 |
| Kedai Runcit | 18 | 3,396 |
| Air Batu | 37 | 3,656 |
| Pengangkutan | 15 | 451 |
| Ternakair | 10 | 313 |
| Pelbagai | 48 | 930 |
| JUMLAH | 246 | 20,769 |

Sumber: Vision Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (m.s. 22)

Berdasarkan kajian kes, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan responden telah pun mempunyai kesedaran mengenai masa depan mereka. Namun begitu, kesedaran ini tidaklah ditingkat yang tinggi. Kalau ada pun kesedaran untuk mengubah nasib mereka ianya sentiasa dibatasi oleh faktor-faktor yang lain. Umpamanya mengenai keadaan sosial, kemudahan infrastruktur dan yang paling utama ialah dari segi keadaan ekonomi mereka. Pengkaji merasakan kedua-dua konsep pembangunan iaitu pembangunan

sosial dan pembangunan institusi yang diperkenalkan oleh LKIM itu patut dipertingkatkan lagi dan seterusnya disalurkan ataupun dipraktikkan di perkampungan yang dikaji.

(iii) Kawasan Pembangunan Nelayan

LKIM juga bertanggungjawab di dalam memperkenalkan Kawasan Pembangunan Nelayan (KPN). Ianya bertujuan untuk memperbaiki keadaan sosio-ekonomi nelayan dengan menggunakan pendekatan yang bersepadu.

Secara ringkas dapatlah dikatakan bahawa ia mempunyai strategi yang paling berkesan di dalam memperbaiki keadaan sosio-ekonomi nelayan. Misalnya, di sesuatu Kawasan Pembangunan Nelayan (KPN), berbagai-bagai program dan projek telah dan akan dilaksanakan oleh berbagai-bagai agensi kerajaan yang bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan sosio-ekonomi masyarakat nelayan. Untuk tujuan tersebut, di setiap KPN terdapatnya Jawatankuasa Penyelaras (JPKPN) di peringkat kawasan. Jawatankuasa tersebut bertanggungjawab untuk mengenalpasti, menyelaras dan mengawasi segala aktiviti dan projek di dalam KPN, dan bermesyuarat setiap 2 bulan sekali. JPKPN dipengerusikan oleh Pengurus KPN dan mempunyai anggota-anggota daripada Jabatan-Jabatan Pertanian, Perikanan, Perkhidmatan Haiwan, MARDI, BPM, JPT, Unit Perancang Ekonomi Negara, Pegawai Daerah, Persatuan Nelayan dan wakil-wakil undangan khas.

Motif utama penubuhan KPN adalah seperti berikut:

(i) Program pembangunan dijalankan secara bersepadu.

(ii) Tumpuan utama adalah terhadap kelompok-kelompok nelayan yang berada di dalam kawasan tersebut, dan

(iii) Pembangunan sektor perikanan tidak lagi dijalankan secara berselerak.

Di negara ini, terdapat 11 buah KPN yang telah dilancarkan oleh LKIM, antaranya:-

| | Kawasan Pembangunan Nelayan | Negeri | Tahun Penubuhan |
|---|---|---|---|
| 1. | Besut | Terengganu | 1982 |
| 2. | Sedili | Johor | 1982 |
| 3. | Mersing | Johor | 1983 |
| 4. | Kelantan Utara | Kelantan | 1983 |
| 5. | Yan/Kuala Muda | Kedah | 1983 |
| 6. | Manjung | Perak | 1984 |
| 7. | Kuala Pahang/Nenasi | Pahang | 1984 |
| 8. | Perlis/Langkawi | | 1984 |
| 9. | Kuala Kedah | Kedah | 1984 |
| 10. | Kuala Terengganu | Terengganu | 1986 |
| 11. | Mukah | Sarawak | 1986 |

Memandangkan kepada beberapa kejayaan yang telah dicapai melalui pengwujudan KPN ini, pengkaji merasakan ia seharusnya diperkenalkan di kawasan kajian kes. Ini supaya keadaan sosio-

ekonomi nelayan akan dapat diatasi dengan menggunakan pendekatan bersepadu melalui KPN ini. Pengkaji difahamkan, telah ada ura-ura oleh pihak LKIM untuk mengwujudkan KPN di kawasan Kerian. Ini berdasarkan kepada beberapa penyelidikan dan pembancian yang telah dibuat oleh Bahagian Perancangan, Ibu Pejabat LKIM, Kuala Lumpur di akhir tahun 1985 dan di awal tahun 1986. Pengkaji amat mengharapkan agar pihak LKIM dan pihak lain yang terlibat akan mempercepatkan penubuhan KPN di kawasan tersebut agar komuniti nelayan di kawasan berkenaan akan turut mendapat faedah ataupun manfaat daripadanya.

Penutup

Salah satu perkara penting yang perlu diambil perhatian adalah mengenai perlaksanaan sesuatu projek. Kejayaan atau kegagalan sesuatu projek itu tidak boleh dibebankan kepada satu pihak sahaja. Satu keputusan daripada hasil mesyuarat ataupun perancangan bersama hendaklah diambilkira. Ini supaya projek-projek yang dilaksanakan itu tidak akan menjadi projek 'gajah putih' sahaja dan berlaku pembaziran seperti wang, tenaga, masa dan sebagainya. Pandangan mahupun buah fikiran masyarakat nelayan di kawasan yang hendak dilakukan sesuatu projek itu hendaklah diambilkira. Ini supaya projek yang dirancangkan, akan bersesuaian dengan keadaan tempat terutama dari segi corak budaya, sosio-ekonomi dan politik mereka. Dengan kata yang lain, pihak yang memberi bantuan seperti kerajaan serta pihak yang menerima bantuan iaitu komuniti tersebut hendaklah sentiasa menjalinkan kerjasama

dan membincang segala masalah yang timbul agar satu persetujuan tercapai demi kebaikan projek yang dirancangkan itu.

Selain daripada itu, pihak yang memberi bantuan iaitu kerajaan haruslah mengambil inisiatif sebaik mungkin di dalam hal ini. Harus diingat, kejayaan sesuatu dasar itu bergantung kepada pegawai-pegawai pelaksana yang berpengalaman, bermoral yang tinggi, bersih, cekap dan beramanah. Ini untuk mengelakkan sebarang penyelewengan terutama untuk kepentingan diri sendiri.

Penerangan ataupun penjelasan mengenai sesuatu dasar yang dilaksanakan itu adalah perlu diberi perhatian dan disampaikan dengan sejelas-jelasnya kepada kumpulan sasaran itu. Ini supaya sebarang salah faham mengenainya dapat dielakkan. Begitu juga pihak yang menerima. Kumpulan sasaran haruslah juga menyedari tentang kebaikan sesuatu projek itu dan kesungguhan pihak yang melaksanakannya itu. Mereka haruslah merebut peluang yang diberikan semata-mata demi kebaikan sama ada dari segi sosio mahupun ekonomi mereka.

Daripada pengkajian yang telah dijalankan pengkaji mendapati terdapatnya 3 masalah utama di komuniti tersebut. Bahkan jikalau diteliti dengan mendalam, ketiga-tiga masalah itu jugalah menyebabkan wujudnya kemiskinan. Antaranya ialah masalah biologikal, teknologi, sosio-ekonomi di samping faktor nilai, sikap dan peribadi individu. Ketiga-tiga aspek di atas itu hendaklah diteliti dan diambil perhatian apabila sesuatu perancangan projek ataupun program hendak dilaksanakan.

Ini kerana ianya saling berkaitan antara satu sama lain. (Pengkaji telah menghuraikan dengan mendalam di Bab III).

Kemiskinan bukanlah satu perkara yang baru di dalam kehidupan kita. Sejak dahulu kala lagi kemiskinan menjadi persoalan utama di kalangan masyarakat di negara ini. Data-data yang menggunakan angka-angka pengukuran tidak dapat dijadikan pedoman yang menunjukkan kemiskinan di Malaysia khasnya di kalangan nelayan telah menurun. Pengkaji mengharapkan pihak-pihak yang terlibat akan segera bertindak untuk mencari kesilapan, mencari kelemahannya dan merancang sesuatu yang lebih berkesan supaya ianya menepati kehendak masa dan hasrat komuniti nelayan di negara ini.

Akhir sekali, pengkaji amat-amat mengharapkan agar langkah-langkah yang sedang dan akan dijalankan itu mendapat kejayaan yang cemerlang. Ini supaya kemiskinan di kalangan nelayan akan dapat dikurangkan jikalau tidak dapat dihapuskan sama sekali.

BORANG KAJISELIDIK

KEMISKINAN KOMUNITI NELAYAN KAMPUNG NELAYAN
KUALA GULA, KUALA KURAU, PERAK DARULREDZUAN

Nama Penemubual/Kajian Luar: Shabuddin Bin Haji Yaacob
Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
59100 Kuala Lumpur

Tarikh: ____________________

Tempat: ____________________________________________

1. Nama Responden: ____________________________________

2. Alamat: ____________________________________

____________________________________

____________________________________

____________________________________

____________________________________
(Jika Tidak Keberatan)

3. Butir-Butir Mengenai Seisi Rumah dan Angkubah Asas Demografi (Tanggungan Responden)

| Bil. | Nama | Hubungan Dengan Responden | Bangsa | Jantina | Tarikh Lahir | Tahap Pelajaran | Status Kerja | Status Kahwin | Tempat Tinggal | Jumlah Pendapatan Sebulan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | | | | | | | | | | |
| 2. | | | | | | | | | | |
| 3. | | | | | | | | | | |
| 4. | | | | | | | | | | |
| 5. | | | | | | | | | | |
| 6. | | | | | | | | | | |
| 7. | | | | | | | | | | |
| 8. | | | | | | | | | | |
| 9. | | | | | | | | | | |
| 10 | | | | | | | | | | |

4. Pendidikan Responden

| | Nama Sekolah/Kolej/Universiti |
|---|---|
| Rendah | ______ |
| Menengah Tingkatan 1 - 3 | ______ |
| Menengah Tingkatan 4 - 6 | ______ |
| Kolej/Universiti | ______ |
| Lain-Lain (nyatakan) | ______ |

5. Bahasa Bertutur, Membaca, Menulis (✓ Jika Boleh)

| Bahasa | Bertutur | Membaca | Menulis |
|---|---|---|---|
| Bahasa Malaysia | ____ | ____ | ____ |
| Bahasa Inggeris | ____ | ____ | ____ |
| Bahasa Cina | ____ | ____ | ____ |
| Bahasa Tamil | ____ | ____ | ____ |
| Bahasa Lain (nyatakan) | ____ | ____ | ____ |

6. Maklumat Latarbelakang Ibubapa Responden

| | Ibu | Bapa |
|---|---|---|
| Tempat Asal (Negeri, Daerah) | ___ | ___ |
| Pelajaran Tertinggi | ___ | ___ |
| Pekerjaan | ___ | ___ |

8. Pekerjaan (Responden)

8.1 Pekerjaan Utama

Jenis: ____________ Tempoh/Tahun: ________

Tempat Kerja:

| | |
|---|---|
| Kampung Ini | |
| Mukim Ini | |
| Luar Mukim | |
| Nyatakan | |

________________

*Jikalau menangkap ikan sebagai pekerjaan utama, sila jawab soalan di bawah ini

8.2 Penyertaan dalam program pembangunan dan kemudahan-kemudahan daripada Jabatan-Jabatan Kerajaan, tahun penerimaan dan keberkesanannya

Daripada : ________________

Jenis Program : ________________

Tahun Penerimaan : ________________

Kejayaan/Kegagalannya: ________________

Pandangan Responden : ________________

________________

________________

8.3 Adakah anda ahli Persatuan Nelayan:

Ya ☐ Tidak ☐

Sebab anda tidak/sertai persatuan itu:

________________

________________

________________

8.4 Bantuan yang pernah diberikan oleh Persatuan Nelayan

Jenis: ____________

Tahun: ____________

Pandangan Responden: ____________________

____________________

____________________

8.5 Kursus yang pernah diikuti

| Jenis Kursus | Jabatan | Tempoh Kursus |
|---|---|---|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

8.6 Jumlah hasil tangkapan

| Jenis | Banyaknya | Cara Penjualan | Jumlah Jualan |
|---|---|---|---|
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

8.7 Pemilikan perahu/bot

No. Pendaftaran: ____________________

Usianya : ____________________

Cara Pemilikan : ____________________

Jika Sewa/Beli : ____________________

Jenis Pukat : ____________________

9. Pekerjaan Sambilan

Ya ☐ Tidak ☐

Jikalau ya:

| | | Jenis | Tempoh Bekerja |
|---|---|---|---|
| Pekerjaan Sambilan | 1. | ________ | ____________ |
| | 2. | ________ | ____________ |
| Pekerjaan Dahulu | 1. | ________ | ____________ |
| | 2. | ________ | ____________ |

9.1 Alasan meninggalkan pekerjaan:

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

9.2 Adakah cita-cita anda untuk menukar pekerjaan sekarang?

| | |
|---|---|
| Tentu/Ya | ☐ |
| Mungkin | ☐ |
| Tidak Mungkin | ☐ |
| Tidak | ☐ |
| Tidak Tahu | ☐ |

9.3 Sekiranya ada kemungkinan menukar pekerjaan, apakah jenis pekerjaan yang menjadi pilihan utama:

Jenis: ______________________

Sektor: ______________________

Kenapa anda memilih pekerjaan itu?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

10. Pendapatan/Perbelanjaan Keluarga/Simpanan

10.1 Punca dan jumlah pendapatan keluarga responden

| Bil. | Nama | Kerja Tetap | | Kerja Sambilan | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Jenis | Pendapatan ($) | Jenis | Pendapatan ($) |
| 1. | | | | | |
| 2. | | | | | |
| 3. | | | | | |
| 4. | | | | | |
| 5. | | | | | |
| 6. | | | | | |

10.2 Wang kiriman daripada ahli-ahli keluarga yang bekerja di luar kampung

| Bil. | Nama | Pekerjaan | Kiriman ($) |
|---|---|---|---|
| 1. | | | |
| 2. | | | |
| 3. | | | |
| 4. | | | |

11. Perbelanjaan Keluarga

11.1 Perbelanjaan keluarga sebulan
(Yang tinggal bersama-sama)

$

1. Makanan dan Minuman ______
2. Pakaian ______
3. Utiliti (api, air, letrik) ______
4. Pengangkutan ______
5. Perbelanjaan Untuk Kesihatan ______
6. Rokok ______
7. Lain-lain Keperluan Keluarga ______

11.2 Perbelanjaan setahun

$

8. Motosikal, Kereta ______
9. Perabot Rumah ______
10. TV, Kipas ______
11. Ansuran Rumah (Sewa Tapak, dll) ______

11.3 Perbelanjaan sekolah sebulan

$

1. Pakaian ______
2. Buku-Buku ______
3. Tambang ______
4. Yuran Sekolah ______
5. Wang Saku ______
6. Lain-Lain ______

12. <u>Simpanan/Pinjaman dan Hutang</u>

(i) Jumlah Simpanan: $ ________________ sebulan

(ii) Jumlah Pinjaman: $ ________________ sebulan

(iii) Jumlah Hutang : $ ________________ sebulan

<u>Di manakah anda:</u>

(i) Menyimpan:

Simpanan Nasional [ ]
Simpanan ASN [ ]
Bank (Selain ASN) [ ]
Rumah [ ]
Kawan/Sahabat [ ]
Tabung Haji [ ]
Lain-lain (nyatakan):

____________________________________

(ii) Meminjam:

Bank [ ]
Kawan/Sahabat [ ]
Ceti [ ]
Lain-lain (nyatakan):

____________________________________

12.2 Apakah tujuan anda menyimpan (Mengikut keutamaan):

1. ______________________________

2. ______________________________

3. ______________________________

4. ______________________________

5. ______________________________

12.3 Apakah tujuan anda meminjam (Mengikut keutamaan):

1. ______________________________

2. ______________________________

3. ______________________________

4. ______________________________

5. ______________________________

13. Pemilikan Harta

| Jenis | Diwarisi | Dibeli($) | Sewa ($) | Pajak ($) | Gadai ($) | Pawah($) | Bilangan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Rumah | | | | | | | |
| Bangunan Lain | | | | | | | |
| Alat Pertanian | | | | | | | |
| Pukat | | | | | | | |
| Bot/Perahu | | | | | | | |
| Enjin Bot | | | | | | | |
| Saham | | | | | | | |
| Kedai | | | | | | | |
| Barang Kemas | | | | | | | |
| Alat Jentera | | | | | | | |
| Tapak Rumah | | | | | | | |
| Basikal | | | | | | | |
| Motosikal | | | | | | | |
| Tanah: Getah | | | | | | | |
| Kelapa Sawit | | | | | | | |
| Kelapa | | | | | | | |
| Padi | | | | | | | |
| Lain-Lain (Nyatakan): | | | | | | | |
| ____________________ | | | | | | | |

14. Ternakan

| Jenis | Bilangan | Nilainya Jikalau Dijual ($) | Catitan |
|---|---|---|---|
| Kerbau | | | |
| Lembu | | | |
| Kambing | | | |
| Ayam | | | |
| Itik | | | |
| Ternakan Lain (Nyatakan): | | | |
| ________ | | | |
| ________ | | | |
| ________ | | | |

15. Kemudahan Sosial

1. Rumah Kediaman

1.1 Siapa punya? ____________

1.2 Tapak rumah (kepunyaan) ____________

1.3 Tahun pembinaan ____________

1.4 Luasnya ____________

1.5 Nilainya ($) sekarang ____________

1.6 Nilai Pembaikan ($) ____________

1.7 Jenis: Dinding ____________

Bumbung ____________

Lantai ____________

Tiang ____________

1.8 Bekalan air minuman (jenis) ____________

1.9 Bayarannya ($) sebulan ____________

1.10 Bekalan api (jenis) ____________

1.11 Bayarannya ($) sebulan ____________

1.12 Tandas (jenis) ____________

1.13 Keadaan rumah ____________

2. <u>Kemudahan Rumah</u>

| | Ya/Tidak | Bilangan |
|---|---|---|
| 2.1 Kereta | | |
| 2.2 Motosikal | | |
| 2.3 Kipas elektrik | | |
| 2.4 Peti sejuk | | |
| 2.5 Televisyen | | |
| 2.6 Kusyen set | | |
| 2.7 Mesin jahit | | |
| 2.8 Dapur gas | | |
| 2.9 Dapur minyak | | |
| 2.10 Sampan/Bot | | |

3. <u>Kesihatan</u>

3.1 Klinik/Hospital yang terdekat sekali: ____________

3.2 Berapa kali anda ataupun keluarga anda melawat klinik/hospital tersebut?

________________________________________

3.3 Jika anda ataupun keluarga anda jatuh sakit, dari mana anda mendapat rawatan?

| | Selalu | Kurang | Tidak Pernah |
|---|---|---|---|
| Hospital | | | |
| Klinik Kerajaan | | | |
| Klinik Doktor Swasta | | | |
| Bomoh/Dukun | | | |
| Lain-Lain (nyatakan) | | | |
| Tidak Ada | | | |

3.4 Tempat kelahiran anak-anak

| | Bilangan Lahir Di |
|---|---|
| Hospital | ______________ |
| Klinik Kerajaan | ______________ |
| Klinik Doktor Swasta | ______________ |
| Bidan Di Rumah | ______________ |
| Lain | ______________ |

16. Pendapat dan Persepsi

1. Adakah anda ingin tinggal selama-lama ini?

   Ya/Tidak

   Mengapa: ________________________________________

   ________________________________________

   ________________________________________

2. Adakah anda mahu anak-anak saudara/i tinggal dan bekerja di kampung ini?

   Ya/Tidak

Mengapa? ______________________________________

______________________________________

______________________________________

3. Jenis pekerjaan yang anda fikir adalah baik untuk anak-anak saudara/i?

1. ______________________________________

2. ______________________________________

3. ______________________________________

Ulasan Pengkaji: ______________________________

4. Setinggi manakah pelajaran yang anda harapkan akan dicapai oleh anak saudara/i?

| | |
|---|---|
| Universiti | |
| Kolej | |
| Menengah (Tingkatan 4 - 6) | |
| Menengah (Tingkatan 1 - 3) | |
| Rendah | |
| Tidak Bersekolah | |

5. Apakah jenis pelajaran yang baik untuk anak-anak?

| | |
|---|---|
| Pertanian | |
| Ugama | |
| Kedoktoran | |
| Sains | |
| Kemanusiaan | |
| Kemasyarakatan | |
| Lain-lain (nyatakan) | |

______________

6. Siapakah yang paling berpengaruh dan dihormati di antara orang-orang di bawah ini?

| | |
|---|---|
| Penghulu | |
| Ketua Kampung | |
| Ahli Politik | |
| Guru | |
| Imam/Bilal | |
| Pegawai Kerajaan | |
| Peneroka Felda | |
| Orang Tengah | |

7. Apakah perkara-perkara yang boleh meninggikan nama seseorang di kampung ini?

| | |
|---|---|
| Keturunan | |
| Kebolehan diri sendiri | |
| Pelajaran | |
| Pekerjaan | |
| Kekayaan | |
| Hubungan Politik | |
| Kepercayaan diri sendiri | |

8. Adakah anda faham dengan dasar berikut:

| | |
|---|---|
| Dasar Pertanian Negara | Ya/Tidak |
| Dasar Ekonomi Baru | Ya/Tidak |
| Dasar Pandang Ke Timur | Ya/Tidak |
| Skim Subsidi Nelayan | Ya/Tidak |
| Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia | Ya/Tidak |
| Jabatan Perikanan | Ya/Tidak |
| Persatuan Nelayan | Ya/Tidak |

9. Apakah masalah-masalah utama yang anda hadapi sekarang ini?
(Keutamaan terhadap pekerjaan utama anda)

10. Apakah pandangan anda tentang dasar-dasar kerajaan di dalam membantu mengatasi masalah nelayan dan dasar-dasar yang telah dijalankan di perkampungan ini?
(Anda digalakkan memberi cadangan-cadangan yang bersesuaian)

(TERIMA KASIH DI ATAS KERJASAMA YANG TELAH ANDA BERIKAN)

## BIBLIOGRAFI


Abdul Aziz Bin Abdul Hamid, Ungku
1963 — Rencana-Rencana Ekonomi dan Kemiskinan, Pustaka Melayu (Cetakan ke 3), Singapura.

Abdul Aziz Bin Abdul Hamid, Ungku
1964 — Poverty and Rural Development in Malaysia dalam Kajian Ekonomi Malaysia, Vol. 1.

Abdul Kadir Bin Wan Yusuf
1974 — Kajian Sosio-Ekonomi Komuniti Nelayan dan Petani, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Abdullah Hussain & Khalil Hassan
1974 — Pendita Zaaba Dalam Kenangan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Ang Gaik Hoar
1984/1985 — Komuniti Nelayan Di Kuala Muda, Seberang Perai: Tinjauan Beberapa Aspek Sosio-Ekonomi, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Asmah & Sidhu
1970 — Sifat Geografi Penduduk, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Coale A.J. & Hoover
1958 — Population Growth and Economic Development in Income Countries, Princeton, N.J. Princeton University Press.

David S. Gibbons
1977 — Public Policy Towards Fisheries Development in Peninsular Malaysia: A Critical Review Emphasizing Penang and Kedah, Proceeding of The Seminar on The Development of The Fisheries Sector in Malaysia, Persatuan Ekonomi Malaysia, Kuala Lumpur

Firth, Raymond
1966 — Malay Fishermen: Their Peasants Economy, London: Rouledge and Kegan Paul Ltd.

Firth, Raymond
1964 — Capital, Saving and Credit in Peasant Society, Allen and Unwin, London.

G.R. Elliston
1977 — Some Factors Which May Explain The Failure of Some Government Aid Schemes For Fishermen. Proceedings of the Seminar on The Development of the Fisheries Sector in Malaysia, Persatuan Ekonomi Malaysia, Kuala Lumpur.

G.R. Munro & Chee Kim Loy
1978 — The Economic of Fishing and the Developing World: A Malaysian Case Study (Vol. 1), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Ian R. Smith
1979 — "A Research Framework For Traditional Fisheries", The International Center For Living Aquatic Resources Management, Manila.

International Encyclopedia of Social Science, Vol. 12, 1968

Ishak Shaari
1984 — Pembangunan dan Ketaksamaan Di Kalangan Nelayan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Dalam Persidangan Kebangsaan Pembangunan Di Malaysia. Perencanaan, Perlaksanaan dan Prestasinya, Persatuan Sains Sosial Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Jahara Yahya
1977 — Some Implications of the Fishermens Subsidy Scheme in Peninsular Malaysia. Proceedings of the Seminar on the Development of the Fisheries Sector in Malaysia, Persatuan Ekonomi Malaysia, Kuala Lumpur.

Mohd. Fauzi Haji Yaacob
1969 — Agama dan Usaha-Usaha Dalam Lapangan Ekonomi Di Kalangan Orang Melayu, Tesis M.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mohd. Saidi Bin Midin
1983/1984 — Kemiskinan dan Masalah Komuniti Nelayan Dari Perspektif Sosio-Ekonomi (Satu Kajian Kes Di Pulau Tuba, Pulau Langkawi, Kedah), Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Parkinson, B.K.
1975 — Non-Economic Factors in Retardation of the Rural Malays - dalam buku David Lim, Readings on Malaysia Economic Development, Oxford University.

Syarifah Zaleha Syed Hassan
1973 — Implikasi Sosio-Ekonomi Perusahaan Pukat Tunda Di Tanjung Dawai, dalam Manusia dan Masyarakat, Bil. 2.

Shamsul Amri Baharuddin
1972 — Rancangan Malaysia Kelima: Tujuan dan Perlaksanaannya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Swift, M.G.
1965 — Malays Peasant Society in Jelebu, The Anthlone Press, London.

Syed Husin Ali
1979 — Apa Erti Pembangunan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Wan Hashim Haji Wan Teh
1980 — Komuniti Nelayan Di Pulau Pangkor (Beberapa Aspek Ekonomi dan Sosial), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Laporan Rasmi Kerajaan

- Rancangan Malaysia Keempat
- Rancangan Malaysia Kelima
- Laporan Ekonomi 1982 - 1983, Kementerian Kewangan Malaysia
- Berita Nelayan, Bahagian Perikanan, Kementerian Pertanian Malaysia
- Risalah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
- Vision LKIM, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

Majalah/Akhbar

- Utusan Malaysia, September dan Disember 1987
- Mingguan Malaysia, September 1987
- Berita Harian, Oktober 1988
- Berita Minggu, November 1987
- New Straits Times, September dan Disember 1987
- Dewan Masyarakat, Februari 1981
- Diskusi, September dan Oktober 1980